

BAB V

ANALISIS ASPEK LEKSIKAL LARAS BERITA DALAM BERITA HARIAN

Conditions of development cannot possibly be studied with as much precision in any other realm as in that of language. That is why no other human science exists whose method can be taken to such a degree of perfection as the method of linguistics (Kristeva:1989: 212).

5.0. Aspek Leksikal dalam Laras Bahasa Berita

Pada umumnya, kajian mengenai laras bahasa dalam penulisan tajuk-tajuk berita tidak mungkin dapat dilakukan tanpa meneliti ciri-ciri tertentu yang mempengaruhi gaya atau ragam bahasanya. Dalam hal ini, penelitian terhadap penggunaan bahasa, khususnya dari segi pemilihan leksikal atau perbendaharaan kata amat penting untuk memperlihatkan ragam laras bahasa dalam tajuk-tajuk berita. Dalam hal kajian mengenai laras bahasa juga, Halliday (1985) berpendapat bahawa ukuran utama sesuatu laras dapat dilihat dari segi perbendaharaan kata dan tatabahasa yang digunakan. Menurut beliau seterusnya, fungsi perbendaharaan kata dapat dilihat dari dua segi, iaitu pertama dari segi penggunaan perkataan yang jelas yang dapat mengenal pasti bidang atau tajuk yang dibicarakan, dan yang kedua ialah ciri kolokasi yang wujud sebagai penanda laras tertentu.

Selain itu, memandangkan laras bahasa merujuk kepada cara penggunaan sesuatu bahasa, maka kajian ini juga harus menekankan aspek ciri, kaedah pemilihan atau penggunaan leksikal yang berupaya berfungsi sebagai suatu organisasi bahasa serta mengandungi makna

konteks. Hal ini selaras dengan pandangan yang pernah dikemukakan oleh Roger Fowler (1991) yang berpendapat bahawa kewujudan berbagai-bagai bentuk tajuk berita sebenarnya merupakan hasil perbezaan pendekatan. Ciri-ciri transitiviti yang pernah ditegaskan oleh beliau sebagaimana yang telah dijelaskan di dalam Bab III dan Bab IV di atas merupakan aspek penting yang perlu diberi perhatian terlebih dahulu. Penekanan terhadap ciri-ciri transitiviti tersebut akan membolehkan pembaca membuat persepsi tentang makna atau maksud terhadap sesuatu tajuk berita berkenaan. Sebagai contoh, penggunaan bentuk-bentuk pasif atau aktif, pemilihan kata kerja atau kata nama, dan sebagainya adalah penting dalam penyampaian maksud dan pengelasan aspek-aspek berkenaan, dan kaedah yang sangat mustahak dalam membuat analisis terhadap laras bahasa tajuk berita.

5.1. Klasifikasi Leksikal

Dalam membuat analisis mengenai laras bahasa tajuk berita dalam surat khabar BH, penulis telah membuat klasifikasi kategori leksikal terhadap data kajian. Klasifikasi kategori leksikal ini melibatkan tajuk-tajuk berita yang dipilih daripada bahagian-bahagian tertentu yang dianggap relevan dengan kajian untuk tempoh 8 bulan, iaitu 4 bulan bagi tahun 1996 dan 4 bulan bagi tahun 1997. Setiap kategori tersebut akan ditandai dengan kod yang tertentu bagi memudahkan klasifikasi dibuat. Pada umumnya penulis menyenaraikan sebanyak 21 kategori leksikal yang terdapat dalam tajuk-tajuk berita yang dikaji. Klasifikasi leksikal tersebut adalah seperti di bawah.

<i>Kod</i>	<i>Kategori Leksikal</i>
1. AB	Angka bilangan
2. AJ	Adjektif
3. BL	Kata nama terbitan (Kata nama berimbuhan)
4. BT	Kata bilangan tak tentu
5. CL	Kata kausatif
6. DL	Kata kerja (dasar, berimbuhan awalan dan akhiran)
7. FL	Kata asing (Inggeris)
8. FP	Kata pinjaman (Inggeris)
9. JG	Kata preposisi
10. KP	Kata penghubung
11. NA	Kata nama am
12. NK	Kata nama khas
13. PG	Kata kerja pasif
14. VG	Modalitas
15. XL	Kata singkatan
16. TG	Kata bantu
17. ZL	Tanda bacaan
18. WG	Kata nafi (negation)
19. GD	Ganti nama deiksis
20. PP	Partikel
21. QL	Kata tanya

5.2. Kategori Bahagian

Bagi klasifikasi bahagian, yang menjadi pilihan penulis bagi membuat penelitian terhadap laras tajuk berita ini, sebanyak empat (4) bahagian sahaja yang telah diambil. Hal ini memandangkan terdapat terlalu banyak bahagian dalam surat khabar BH dan ini tidak memungkinkan penulis mengumpul semua tajuk berita daripada semua bahagian. Kategori bahagian yang diambil kira bagi tujuan kajian ini adalah seperti berikut;

- 1) Bahagian Nasional
- 2) Bahagian Dunia
- 3) Bahagian Ekonomi
- 4) Bahagian Sukan

Bahagian-bahagian yang dipilih tersebut dikira mengandungi tajuk-tajuk berita yang sesuai dan relevan untuk diteliti. Semua tajuk berita daripada bahagian-bahagian di atas yang diterbitkan untuk tempoh 8 bulan, iaitu 4 bulan bagi tahun 1996 (Februari, Mac, April dan Mei) dan 4 bulan bagi tahun 1997 (Mei, Jun, Julai dan Ogos) telah dikumpul dan penggunaan leksikal di dalam tajuk-tajuk berita tersebut telah dibuat klasifikasi mengikut kategori jenis seperti yang disenaraikan di atas.

5.3. Penggunaan Leksikal dalam Tajuk Berita Mengikut Bahagian

Bagi memperlihatkan pecahan penggunaan leksikal mengikut klasifikasi jenis di dalam tajuk-tajuk berita, analisis seterusnya ini akan mengetengahkan jumlah serta peratusan pemakaian setiap jenis perkataan mengikut bidang bagi tempoh yang telah ditentukan, iaitu tahun 1996 (4 bulan) dan 1997 (4 bulan).

5.3.1. Penggunaan Leksikal dalam Bahagian Nasional

Berdasarkan analisis data kajian, sejumlah 6,416 leksis yang terpilih daripada pelbagai kategori leksikal telah dikenal pasti di dalam tajuk-tajuk berita dalam bahagian Nasional. Kekerapan penggunaan leksikal mengikut jenis bagi tempoh waktu yang dikaji dapat ditunjukkan seperti di dalam jadual berikut;

Jadual 2 : Bahagian Nasional

Kod	Jumlah	Peratus
WG	80	1.25%
BL	811	12.64%
DL	1175	18.31%
FP	524	8.17%
ZL	158	2.46%
XL	485	7.56%
NA	1227	19.12%
PG	330	5.14%
AB	299	4.66%
AJ	373	5.81%
NK	573	8.93%
FL	28	0.44%
VG	85	1.32%
JG	157	2.45%
TG	48	0.75%
QL	2	0.03%
CL	25	0.39%
BT	20	0.31%
KP	10	0.16%
GD	1	0.02%
PP	5	0.08%
Jumlah	6416	100.00%

Hasil penelitian terhadap tajuk-tajuk berita di dalam bahagian Nasional, kategori leksikal kata nama am (NA) merupakan jumlah terbanyak digunakan, iaitu sebanyak 1,227 kata, iaitu merupakan 19.12 peratus daripada keseluruhan jumlah kata yang dikaji dalam bahagian ini. Kategori leksikal kata kerja (DL) adalah yang kedua terbanyak digunakan, iaitu sebanyak 1175 kata atau 18.36 peratus. Kedua-dua kategori kata tersebut mendominasi penggunaan leksikal dalam tajuk-tajuk berita dalam bahagian Nasional. Kategori kata nama yang berimbuhkan awalan-akhiran (BL) pula mempunyai kekerapan penggunaan sebanyak 811 kata atau 12.64 peratus. Kategori-kategori leksikal lain seperti leksikal kata nama khas (NK), kata pinjaman dari bahasa Inggeris (FP) dan kata singkatan (XL) juga agak kerap digunakan, iaitu masing-masing sebanyak 573 atau 8.93 peratus bagi kategori NK, 524 kata atau 8.17

peratus bagi kategori FP dan 485 kata atau 7.56 peratus bagi kategori XL. selain itu, leksikal kata kerja pasif (PG) digunakan sebanyak 330 kata atau 5.14 peratus, leksikal yang merujuk angka bilangan (AB) digunakan sebanyak 299 kata atau 4.67 peratus, manakala kategori adjektif (AJ) pula sebanyak 373 kata atau 5.81 peratus.

Penggunaan tanda baca (ZL) di dalam tajuk berita seperti tanda koma dan titik bertindih juga mempunyai kekerapan yang agak tinggi, iaitu sebanyak 158 atau 2.46 peratus, manakala jumlah kata preposisi (JG) pula hampir sama banyak dengan penggunaan tanda baca, iaitu sebanyak 157 kata atau 2.45 peratus. seterusnya, jenis kata yang lain digunakan di dalam bahagian ini ialah kata modalitas (VG) sebanyak 85 kata (1.32 peratus), kata negasi (WG) sebanyak 80 kata (1.25 peratus), kata bantu (TG) sebanyak 48 kata (0.75 peratus), kata asing (FL) iaitu yang diambil daripada bahasa Inggeris sebanyak 28 kata (0.44), kata kausatif (CL) sebanyak 25 kata (0.39 v) dan kata bilangan tak tentu (BT) pula sebanyak 20 kata (0.31 peratus). Manakala kategori-kategori kata yang sedikit digunakan terdiri daripada kata penghubung (KP) yang digunakan sebanyak 10 kata (0.16 peratus), kata partikel (PP) sebanyak 5 kata (0.08 peratus), kata tanya (QL) sebanyak 2 kata (0.03 peratus) dan kata ganti nama deiksis (GD) hanyak 1 kata (0.02 peratus) sahaja.

5.3.2. Penggunaan Leksikal dalam Bahagian Ekonomi

Berdasarkan analisis data kajian yang dikumpul bagi tempoh yang ditetapkan, iaitu untuk tempoh empat bulan bagi setiap tahun 1996 dan 1997, didapati sebanyak 2,032 leksikal dari pelbagai jenis kata telah digunakan dalam tajuk-tajuk berita di bahagian Ekonomi. Taburan kekerapan penggunaan leksikal mengikut kategori yang ditentukan dalam

bahagian ini menunjukkan jumlah dan peratusan seperti yang dinyatakan di dalam jadual di bawah;

Jadual 3 : Bahagian Ekonomi

Kod	Jumlah	Peratus
WG	8	0.39%
BL	224	11.02%
DL	385	18.95%
FP	188	9.25%
ZL	33	1.62%
XL	268	13.19%
NA	269	13.24%
PG	32	1.57%
AB	112	5.51%
AJ	93	4.58%
NK	299	14.71%
FL	3	0.15%
VG	17	0.84%
JG	78	3.84%
TG	4	0.20%
QL	0	0.00%
CL	10	0.49%
BT	5	0.25%
KP	2	0.10%
GD	0	0.00%
PP	2	0.10%
Jumlah	2032	100.00%

Di dalam bahagian Ekonomi ini, didapati leksikal jenis kata kerja (DL) juga merupakan kategori kata yang paling banyak digunakan dalam penulisan tajuk-tajuk berita yang diteliti. Penggunaan leksikal kata kerja (DL) tersebut sebanyak 385 kata atau 18.95 peratus daripada jumlah keseluruhan leksikal terkumpul dalam bahagian ini. Kategori kedua terbanyak adalah dari jenis kata nama khas (NK) iaitu sebanyak 299 kata atau 14.71 peratus semuanya dan seterusnya diikuti oleh kategori kata nama am (NA) dengan kekerapan sebanyak 269 kata atau 13.24 peratus. Penggunaan kata singkatan (XL) hampir sama banyaknya dengan kata nama am, iaitu sebanyak 268 kata atau 13.19 peratus.

Analisis juga menunjukkan bahawa jenis-jenis kata berikut agak kerap digunakan di dalam bahagian Ekonomi, iaitu seperti kata nama terbitan (BL) iaitu kata berimbuhan awalan-akhiran telah digunakan sebanyak 224 kata (11.02 peratus), kata pinjaman (FP), iaitu kata pinjaman daripada bahasa Inggeris dengan jumlah sebanyak 188 kata (9.25 peratus), kategori angka bilangan (AB) digunakan sebanyak 112 kata (5.51 peratus), kata adjektif pula digunakan sebanyak 93 kata (4.58 peratus) manakala kata preposisi (JG) sebanyak 78 kata (3.84 peratus). Selain itu, beberapa kategori kata lagi memperlihatkan jumlah penggunaan yang sedikit di dalam tajuk-tajuk berita. Kategori-kategori kata tersebut adalah penggunaan tanda baca (ZL), iaitu sebanyak 33 (1.62 peratus), penggunaan kata kerja pasif sebanyak 32 kata (1.57 peratus), penggunaan kata modalitas (VG) sebanyak 17 kata (0.84 peratus), penggunaan kata kausatif sebanyak 10 kata (0.49 peratus) manakala kata negasi (WG) pula sebanyak 8 kata (0.39 peratus). Kategori-kategori kata, seperti kata bilangan tak tentu (BT), kata bantu (TG), kata asing (FL) khususnya bahasa Inggeris, kata penghubung (KP) dan kata partikel (PP) menunjukkan bilangan yang sangat sedikit digunakan di dalam penulisan tajuk berita. Penggunaan kata bagi setiap kategori kata tersebut adalah masing-masing 5 kata (0.25 peratus) bagi BT, 4 kata (0.20 peratus) bagi TG, 3 kata (0.15 peratus) bagi FL dan 2 kata (0.10 peratus) bagi KP dan PP.

5.3.3. Penggunaan Leksikal dalam Bahagian Dunia

Daripada hasil analisis data di dalam bahagian berita Dunia, terdapat sejumlah 1,854 kata daripada pelbagai leksikal yang dikaji telah digunakan dalam tajuk-tajuk berita untuk tempoh berkenaan. Dari segi kekerapan

dan juga peratus penggunaan kata mengikut kategori di dalam bahagian ini dapat ditunjukkan di dalam jadual di bawah;

Jadual 4 : Bahagian Dunia

Kod	Jumlah	Peratus
WG	20	1.08%
BL	186	10.03%
DL	407	21.95%
FP	123	6.63%
ZL	38	2.05%
XL	67	3.62%
NA	346	18.66%
PG	73	3.94%
AB	64	3.45%
AJ	78	4.21%
NK	341	18.39%
FL	5	0.27%
VG	18	0.97%
JG	60	3.24%
TG	9	0.49%
QL	0	0.00%
CL	8	0.43%
BT	1	0.05%
KP	9	0.49%
GD	0	0.00%
PP	1	0.05%
Jumlah	1854	100.00%

Berdasarkan analisis tersebut, pola penggunaan kata dalam tajuk-tajuk berita di bahagian Dunia memperlihatkan bahawa leksikal kata kerja (DL) merupakan kategori kata yang paling banyak digunakan. Daripada keseluruhannya, sebanyak 407 kata atau 21.95 peratus yang digunakan adalah daripada kategori leksikal kata kerja (DL). Seterusnya, jumlah penggunaan yang banyak diikuti oleh kata nama khas (NK) sebanyak 341 kata atau 18.39 peratus dan kata nama am (NA) pula sebanyak 346 kata atau 18.66 peratus semuanya. Kategori kosa kata lain yang kerap digunakan terdiri daripada kata nama konfiks iaitu bentuk kata nama berimbuhan awalan-akhiran (BL) dan juga kata pinjaman Inggeris (FP),

iaitu masing-masing sebanyak 186 kata atau 10.03 peratus bagi jenis BL dan 123 kata atau 6.63 peratus bagi jenis FP. Penggunaan leksikal-leksikal jenis berikut pula, iaitu leksikal adjektif (AJ) adalah sebanyak 78 kata atau 4.21 peratus, leksikal kata kerja pasif (PG) sebanyak 73 kata atau 3.94 peratus, bentuk kata singkatan (XL) sebanyak 67 kata (3.61 peratus), angka bilangan (AB) sebanyak 64 kata (3.45 peratus) dan penggunaan kata preposisi pula sebanyak 60 kata (3.24 peratus).

Kategori-kategori kata selebihnya seperti kata nafi (WG), kata modalitas (VG), kata bantu (TG), kata penghubung (KP), kata kausatif (CL) dan kata asing (FL), iaitu kata dari bahasa Inggeris masing-masing mempunyai jumlah yang sedikit berbanding dengan kategori kata yang telah dinyatakan di atas. Bagi jenis kata WG, terdapat sejumlah 20 kata (1.08 peratus) digunakan, bagi kata VG terdapat 18 kata (0.97 peratus), kata TG dan kata KP masing-masing sebanyak 9 kata (0.49 peratus) manakala bagi kata CL dan kata FL pula masing-masing 1 kata (0.05 peratus) sahaja.

5.3.4. Penggunaan Leksikal dalam Bahagian Sukan

Analisis penggunaan leksikal di dalam tajuk-tajuk berita di bahagian Sukan untuk tempoh yang ditetapkan bagi tahun 1996 dan 1997 telah memperlihatkan sejumlah 2,461 kata telah digunakan. Dari segi kekerapan penggunaan leksikal mengikut kategori terpilih pula, dapat diperhatikan di dalam jadual di bawah:

Jadual 5 : Bahagian Sukan

Kod	Jumlah	Peratus
WG	53	2.15%
BL	230	9.35%
DL	460	18.70%
FP	98	3.98%
ZL	100	4.06%
XL	110	4.47%
NA	327	13.30%
PG	56	2.28%
AB	68	2.76%
AJ	205	8.33%
NK	594	24.14%
FL	6	0.24%
VG	34	1.38%
JG	70	2.84%
TG	20	0.81%
QL	1	0.04%
CL	18	0.73%
BT	3	0.12%
KP	7	0.28%
GD	0	0.00%
PP	1	0.04%
Jumlah	2461	100.00%

Berdasarkan analisis penggunaan kata di dalam bahagian Sukan ini, daripada keseluruhan 2,461 kata tersebut, kategori leksikal kata nama khas (NK) merupakan jenis kata yang paling banyak digunakan, iaitu sebanyak 594 kata atau 24.14 peratus semuanya. Hal ini seterusnya diikuti oleh penggunaan jenis kata kerja (DL) dengan jumlah sebanyak 460 kata atau 18.69 peratus. Penggunaan kata nama am (NA) juga memperlihat jumlah yang agak banyak, iaitu 327 kata atau 13.29 peratus, manakala kategori kata nama terbitan (BL) iaitu kata berimbuhan awalan-akhiran dan kata adjektif (AJ) masing-masing mempunyai sebanyak 230 kata (9.35 peratus) dan 205 kata (8.33 peratus). Bagi penggunaan leksikal dalam kategori kata singkatan (XL), kategori tanda baca (ZL) dan kata pinjaman (FP) memperlihatkan jumlah yang hampir sama banyak. Analisis menunjukkan penggunaan kata singkatan (XL) adalah sebanyak 110 kata

(4.47 peratus), penggunaan tanda baca berjumlah 100 (4.06 peratus), manakala pemakaian kata pinjaman, khususnya daripada bahasa Inggeris pula adalah sebanyak 98 kata (3.98 peratus).

Dalam pada itu, penggunaan leksikal dari kategori kata preposisi ialah sebanyak 70 kata (2.84 peratus) digunakan, kategori kata angka bilangan (AB) pula ialah 68 kata (2.76 peratus), manakala kategori kata kerja pasif (PG) dan kata negasi (WG) masing-masing terdiri daripada 56 kata (2.28 peratus) serta 53 kata (2.15 peratus) yang digunakan di dalam tajuk berita di bahagian Ekonomi. Kategori leksikal kata modalitas (VG), kata bantu (TG) dan kata kausatif (CL) tidak begitu kerap digunakan di dalam tajuk berita. Leksikal kata modalitas (VG) digunakan sebanyak 34 kata (1.38 peratus), kata bantu (TG) pula telah digunakan sebanyak 20 kata (0.81 peratus) manakala kata kausatif pula hanya 18 kata (0.73 peratus). Selain itu, penggunaan leksikal yang kecil sekali jumlahnya dapat diperhatikan di dalam kategori-kategori leksikal kata penghubung (KP), kata asing (FL) khususnya bahasa Inggeris, kata bilangan tak tentu (BT), kata tanya (QL) dan kata partikel (PP). Penggunaan leksikal bagi kategori-kategori ini adalah hanya sebanyak 7 kata (0.28 peratus) bagi kata penghubung (KP), 6 kata (0.24 peratus) bagi kata asing (FL), 3 kata (0.12 peratus) bagi kata bilangan tak tentu (BT) dan masing-masing 1 kata (0.04 peratus) bagi kategori kata tanya (QL) dan kata partikel (PP).

5.3.5. Perbezaan Distribusi Unsur Bahasa di Dalam Tajuk Berita

Untuk menarik kesimpulan daripada huraian tentang jumlah peratusan di atas tadi, perlu kita memerhatikan beberapa perkara yang menonjol daripada angka-angka statistik di atas. Pertama, kita perlu meneliti urutan serta perselisihan banyaknya jumlah peratusan menurut empat bahagian

dalam BH, iaitu Nasional, Ekonomi, Dunia dan Sukan. Kedua, antara 21 kategori leksikal, kita perlu memerhatikan hanya tiga kategori, iaitu NK, FP dan PG. Kedua-dua perkara ini sangat penting untuk melihat perbezaan distribusi unsur bahasa laporan berita dalam tajuk berita menurut bahagian serta kategorinya. Dengan demikian, dapat diketahui bahawa perbezaan distribusi angka statistik tersebut berkemungkinan besar dapat menunjukkan identiti bahagian masing-masing dalam BH. Sebagai contoh, banyaknya penggunaan kata nama khas merupakan tanda untuk bahagian Sukan sedangkan penggunaan bentuk pasif menjadi tanda untuk bahagian Nasional. Perhatikan jadual berikut ini:

Jadual 6 : Penggunaan Nama Khas

NK	Peratus	Jumlah
Nasional	8.93	573
Ekonomi	14.71	299
Dunia	18.39	341
Sukan	24.14	594

Melalui Jadual 6 di atas dapat kita lihat bahawa NK paling banyak dalam bahagian Sukan. Gejala ini mungkin menunjukkan kekerapan penggunaan nama-nama pemain ataupun cabang-cabang Sukan yang berkenaan. Hal ini merupakan satu tanda yang begitu ketara dalam bahagian Sukan.

Jadual 7 : Penggunaan Perkataan Asing

FP	Peratus	Jumlah
Nasional	8.17	524
Ekonomi	9.25	188
Dunia	6.63	123
Sukan	3.98	98

Dalam FP pula, bahagian Ekonomi menunjukkan perangkaan yang lebih besar berbanding bahagian lain. FP dalam bahagian Ekonomi menjadi unsur yang tidak dapat dielak lagi kerana lazimnya banyak istilah ekonomi yang dipinjam langsung daripada bahasa asing, secara khususnya daripada bahasa Inggeris.

Jadual 8 : Penggunaan Bentuk Pasif

PG	Peratus	Jumlah
Nasional	5.14	330
Ekonomi	1.57	32
Dunia	3.94	73
Sukan	2.28	56

Jadual 8 di atas dapat menunjukkan bahawa PG di dalam bahagian Nasional mungkin merupakan suatu kaedah yang sering digunakan oleh pemberita dengan maksud tertentu. Penggunaan bentuk pasif bererti bahawa pelaku lazimnya dikemudiankan kehadirannya di dalam laporan

berita dalam bahagian Nasional. Hal ini mengandungi implikasi bahawa pemberita berkenaan mungkin menulis laporan berita tersebut dengan harapan pelaku tersebut tidak dinyatakan dengan jelas.

Melalui ketiga-tiga jadual di atas kita dapat mengajukan pertanyaan mengapa timbul perselisihan yang menonjol di antara kategori menurut bahagian seperti di atas? Sebagai contoh, di dalam bahagian Sukan kategori leksikal nama khas menduduki urutan yang paling menonjol berbanding bahagian-bahagian yang lain, seperti Nasional, Ekonomi, dan Dunia. Demikian pula, kita perlu memerhatikan sebabnya bahagian Ekonomi menunjukkan jumlah peratusan yang secara relatif paling tinggi dalam kategori leksikal kata pinjaman (FP) berbanding dengan bahagian-bahagian yang lain. Apakah jumlah tersebut mungkin berkaitan dengan kegiatan ekonomi dengan negeri-negeri asing?

Yang terakhir tetapi yang paling mustahak untuk menyimpulkan huraian ini adalah Jadual 3. Dalam hal ini, perlu diperhatikan urutan peratusan di dalam kategori bentuk pasif, iaitu PG. Tidak dapat dinafikan bahawa kategori PG tersebut dapat dianggap sebagai unsur sintaksis. Walaupun demikian, dari sudut pandangan pembentukan kata, kategori PG dapat pula dianggap sebagai unsur leksikal. Urutan mengikut jumlah peratusan diduduki sebagaimana berikut: Nasional > Dunia > Sukan > Ekonomi.

Berhubung dengan urutan tersebut, timbul sesuatu pertanyaan pula, iaitu mengapa di dalam bahagian Nasional terdapat begitu banyak bentuk pasif berbanding dengan bahagian-bahagian yang lain? Pertanyaan-pertanyaan yang diajukan di sini tidak mungkin dijawab dengan pasti sekarang ini. Walau bagaimanapun, tidak dapat disangkal bahawa usaha kita untuk menjawab berbagai-bagai pertanyaan tersebut memungkinkan perluasan pandangan kita yang berkecimpung baik di dalam bidang ilmu linguistik mahupun dalam bidang-bidang lain yang berkait dengan pengajaran bahasa.

5.4. Kategori Penggunaan Leksikal

Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, bagi tujuan kajian ini, secara umumnya penulis telah mengelaskan kategori leksikal yang digunakan dalam tajuk-tajuk berita dalam BH. Melalui klasifikasi tersebut, dapat kita temukan bahawa kategori-kategori tertentu menunjukkan jumlah dan peratusan yang sangat rendah, antara lain PG, PP dan QL. Dalam bahagian ini pulauraian seterusnya akan memperlihatkan beberapa contoh penggunaan leksikal bagi setiap kategori yang telah menunjukkan jumlah peratusan yang secara relatif lebih tinggi daripada ketiga-tiga kategori tersebut.

5.4.1. Kata Angka Bilangan (AB)

Kategori kata angka bilangan (AB) terdiri daripada angka atau kata yang menunjukkan jumlah bilangan tertentu, umpamanya angka 1,2,3 dan sebagainya, ataupun dalam bentuk tulisan seperti empat, lima, enam dan seterusnya. Contoh yang dapat dikenal pasti di dalam tajuk berita yang diteliti misalnya;

Masalah 56 pelajar akan diselesaikan (Nasional, 1.2.96)

Umno taja 1000 pelajar (Nasional, 1.4.96)

Khamsiah berjasa kepada *empat* PM (Nasional, 1.5.97)

5.4.2. Kata Adjektif (AJ)

Kata adjektif (AJ) merujuk kepada kata sifat sama ada terdiri daripada kata dasar atau kata yang berimbuhan. Kata adjektif yang

digunakan di dalam tajuk berita pula terdapat dalam berbagai-bagai keadaan, misalnya berfungsi sebagai keterangan frasa ataupun predikat ayat. Contoh penggunaan kata jenis ini dapat diperhatikan di bawah;

Bekas pemimpin veteran *kecewa* diketepikan (Nasional, 1.5.96)

Peraturan *baru* Fifa menarik (Sukan, 18.6.97)

Singapura catat kadar jenayah paling *tinggi* (Nasional, 1.5.97)

5.4.3. Kata Nama Terbitan (BL)

Kata nama terbitan (BL) terdiri daripada leksikal kata nama yang berimbuhan, sama ada kata nama yang berapitan, berimbuhan awalan ataupun berimbuhan akhiran. Bentuk imbuhan kata nama terbitan yang kerap digunakan di dalam tajuk-tajuk berita yang dikaji, antaranya ialah imbuhan *ke-an*, *peN-an*, imbuhan awalan *pe-* dan imbuhan akhiran *-an*. Perhatikan tajuk-tajuk berita yang menggunakan kata jenis ini seperti di bawah;

Media Singapura cemburu *kemajuan* negara (Nasional, 2.5.97)

Gerakan enggan terima *pengunduran* Keng Yaik (Nasional, 1.7.97)

Jelajah Merdeka jadi *tumpuan* (Sukan, 4.8.97)

Misi *pengamanan* Nato di Bosnia ikut jadual (Dunia, 2.5.96)

5.4.4. Kata Bilangan Tak Tentu (BT)

Kategori kata bilangan tak tentu (BT) merupakan golongan kata nama yang menunjukkan jumlah atau bilangan yang tidak tentu, contohnya

banyak, ramai, semua dan sebagainya. Contoh penggunaan kata sedemikian dapat diperhatikan di bawah;

KEB mahu lahir *ramai* usahawan menjelang 2000 (Ekonomi, 1.5.96)
LALS di *semua* kampung pedalaman (Nasional, 16.6.97)
Banyak projek jalan kampung tergendala (Nasional, 18.6.97)

5.4.5. Kata Kausatif (CL)

Kategori kata kausatif (CL) adalah berkaitan dengan kata kerja yang menunjukkan makna yang menyebabkan sesuatu keadaan atau situasi. Lazimnya, kata kerja kausatif terdiri daripada bentuk kata kerja yang berimbuhan akhiran *-kan*. Penggunaan kata jenis ini dalam tajuk berita dapat diperhatikan melalui contoh-contoh berikut;

Formula baru *untungkan* pesara (Nasional, 3.2.96)
Azmi *bingungkan* MSN (Sukan, 1.5.96)
Motosikal *cepatkan* penghantaran ayam (Dunia, 2.4.96)

5.4.6. Kata Kerja (DL)

Kategori kata kerja (DL) merupakan leksikal yang terdiri daripada kata kerja dasar ataupun yang mengandungi imbuhan kata kerja, seperti imbuhan awalan *ber-*, *meN-*, *ter-*, imbuhan awalan-akhiran *ber-kan*, *meN-kan*, serta imbuhan akhiran *-i*. Penggunaan kata kerja sedemikian dapat kita perhatikan di dalam contoh-contoh berikut;

DBP *pelawa* sertai projek *francais* (Nasional, 1.3.96)
Tarif elektrik *naik* 1.8 sen hari ini (Nasional, 1.5.97)
Pertempuran *meletus* di Bangladesh (Dunia, 2.4.96)

Tiga maut *terkena* periuk api (Dunia, 1.5.96)
Hanya pemandu *berkelayakan* dibenar lakukan
penerbangan (Nasional, 1.8.97)
Projek *menggunakan* kepakaran tempatan (Ekonomi, 1.8.97)

5.4.7. Kata Bahasa Asing (FL)

Leksikal bahasa asing dalam kajian ini adalah terdiri daripada kategori kata yang diambil terus daripada bahasa asing, terutamanya bahasa Inggeris. Kata-kata asing yang digunakan tersebut barangkali terdiri daripada frasa atau istilah asing yang masih belum terserap ke dalam bahasa Melayu, seperti kata *Coxsackie* di dalam contoh tajuk berita berikut;

Kempen perangi *Coxsackie* ditingkatkan (Nasional, 16.6.97)

5.4.8. Kata Pinjaman Asing (FP)

Dalam kajian ini, yang dimaksudkan dengan kata pinjaman asing (FP) terdiri daripada kata-kata asing yang telah terserap ke dalam bahasa Melayu. Dalam kajian ini, analisis hanya terbatas kepada kategori kata pinjaman daripada bahasa Inggeris sahaja. Pemakaian bentuk kata pinjaman sebegini dapat kita perhatikan melalui contoh-contoh tajuk berita berikut;

Formula pencen dihadkan kepada 25 tahun (Nasional, 1.2.96)
Britain dijangka umum *program* sembelih lembu (Dunia, 2.4.96)
Firma broker wang pertama di IOFC Labuan (Ekonomi, 17.6.97)

5.4.9. Kata Preposisi (JG)

Klasifikasi leksikal preposisi (JG) merupakan kategori kata yang berfungsi sebagai sendi di dalam ayat, umpamanya kata-kata seperti *di*, *ke*, *buat*, *demi* dan sebagainya. Di dalam data kajian yang diteliti, penggunaan kata preposisi digunakan di dalam frasa predikat ataupun frasa keterangan predikat di dalam tajuk-tajuk berita. Frasa preposisi yang berfungsi sebagai predikat ayat dapat diperhatikan melalui contoh-contoh tajuk berita berikut;

Knapp, Nor *ke* Brussels (Sukan, 1.3.96)

Pertarungan maruah *buat* Ghana (Sukan, 2.7.97)

Kajian audit Mara *di* peringkat akhir (Nasional, 2.4.96)

Tambahan *demi* keadilan (Nasional, 1.2.96)

Di samping itu, frasa preposisi yang berfungsi sebagai keterangan lazimnya terdapat di bahagian predikat ayat dalam tajuk berita. Hal ini dapat diperhatikan di dalam contoh-contoh berikut;

Dr. M selamat tiba *di* Malawi (Nasional, 2.5.97)

Bumi Armada tinjau peluang *di* Vietnam (Ekonomi, 1.8.97)

5.4.10. Kata Penghubung (KP)

Klasifikasi kata penghubung di sini dimaksudkan sebagai kategori kata yang berfungsi sebagai penghubung kata dengan kata ataupun penghubung frasa dengan frasa sebagaimana yang dapat diperhatikan di dalam data kajian. Jumlah penggunaan kata penghubung tidak banyak memandangkan penulisan tajuk-tajuk berita lebih mengutamakan keringkasan atau penjimatan dalam penggunaan perkataan. Penggunaan

kata penghubung di dalam ayat tajuk berita sudah tentunya akan menjadikan sesuatu tajuk berita lebih kompleks dan panjang dan hal sedemikian dielakkan terjadi di dalam tajuk berita. Tajuk-tajuk berita yang menggunakan kata penghubung dapat diperhatikan di dalam contoh berikut;

Syarikat tidak gusar *kerana* kompaun terlalu rendah (Nasional, 1.7.97)
Quintana pendek *tapi* berbahaya (Sukan, 2.7.97)

5.4.11. Kata Nama Am (NA)

Penelitian terhadap tajuk-tajuk berita di dalam semua bahagian yang dikaji mendapati leksikal jenis kata nama am merupakan salah satu kategori yang paling banyak digunakan. Klasifikasi leksikal kata nama am di sini adalah meliputi kata yang merujuk kepada kata benda atau kata konkrit, kata nama abstrak, waktu dan sebagainya. Perhatikanlah contoh-contoh penggunaan kata nama am di dalam tajuk-tajuk berita yang ditunjukkan di bawah:

Panel kaji *adat*, kebudayaan Melayu (Nasional, 1.4.96)
Hamid lancar larian *wilayah utara esok* (Nasional, 1.5.96)
Majikan digalak lantik *pegawai agama* (Nasional, 3.7.97)
Tiket Sukan Komanwel mula dijual *bulan depan* (Sukan, 2.8.97)

5.4.12. Kata Nama Khas (NK)

Di dalam kajian ini, kategori kata nama khas (NK) digolongkan dalam kelompok yang berasingan daripada kategori kata nama yang lain. Dalam hal ini, kata nama khas merujuk kepada kata nama yang mendukung

makna rujukan khusus pada sesuatu perkara tertentu seperti nama orang, tempat, benda, institusi, bangsa, pangkat, dan sebagainya. Penggunaan kata nama khas dalam kategori ini dengan mudah dapat dikenal pasti melalui pemakaian huruf besar pada huruf pertama bagi perkataan berkenaan di dalam ayat. Perhatikan contoh penggunaan leksikal nama khas yang terdapat di dalam tajuk-tajuk berita di bawah;

Khidmat helikopter *Langkawi* dilancar (Nasional, 1.3.96)

Pasukan hoki *Malaysia* mampu kejutkan *Belanda* (Sukan, 2.5.96)

Suasana gersang di planet *Marikh* (Dunia, 2.8.97)

5.4.13. Kata Kerja Pasif (PG)

Penggolongan jenis kata kerja pasif meliputi penggunaan kata kerja berstruktur pasif, sama ada yang menggunakan imbuhan pasif *di-*, imbuhan *ter-* ataupun penggunaan kata penanda pasif *kena* yang hadir sebelum kata kerja di dalam tajuk-tajuk berita. Berdasarkan data kajian, tajuk-tajuk berita yang menggunakan leksikal jenis ini dapat diperhatikan melalui contoh berikut;

Bantuan PPRT *ditambah* RM2,000 (Nasional, 1.4.96)

Britain, China *digesa* lupa sejarah pahit (Dunia, 1.7.97)

Serangan penyakit semakin *terkawal* (Nasional, 16.6.97)

349 pemandu mabuk *kena* dakwa (Nasional, 1.4.96)

5.4.14. Kata Modalitas (VG)

Dalam kajian ini, kategori kata modalitas terdiri daripada klasifikasi proposisi yang menunjukkan maksud kemungkinan atau keharusan di

dalam sesuatu tajuk berita. Antara contoh kata modalitas yang dipakai di dalam tajuk-tajuk berita adalah seperti *mahu*, *boleh*, *perlu* dan lain-lain. Perhatikan tajuk-tajuk berita yang menggunakan kata sedemikian di dalam contoh berikut;

Nilai tidak *boleh* elak ledakan ekonomi : Isa (Nasional, 1.5.96)

Azman *mahu* buru kepuasan (Sukan, 1.8.97)

Masyarakat *perlu* pertingkat kesedaran (Nasional, 4.8.97)

5.4.15. Kata Singkatan (XL)

Bagi kategori kata singkatan, klasifikasi kata tersebut dibuat berdasarkan kelompok kata yang mengalami kependekan atau penyingkatan sama ada berupa pemakaian huruf atau gabungan huruf-huruf ataupun gabungan bahagian-bahagian suku kata sahaja yang membentuk akronim. Penggunaan bentuk kata singkatan dalam penulisan tajuk-tajuk berita merupakan suatu hal yang sangat lazim disebabkan faktor keringkasan atau kepadatan tajuk berita. Pemakaian bentuk singkatan biasanya terjadi terhadap kata-kata yang sudah sedia terpakai dan diketahui umum sehingga memudahkan unsur tersebut difahami oleh pembaca. Contoh kata singkatan yang terdapat di dalam tajuk-tajuk berita seperti *TNB* (Tenaga Nasional Berhad), *UMNO* (United Malays Nasional Organisation), *MAS* (Malaysian Airlines System) dan lain-lain. Antara contoh tajuk berita yang menggunakan bentuk kata singkatan seperti berikut;

AP bagi *CBU* tetap dihapuskan (Ekonomi, 1.8.97)

MAS tingkat hubungan dengan Ujung Pandang
(Ekonomi, 2.4.96)

Asean mahu selia pilihan raya Kemboja (Nasional, 2.7.97)

BPR panggil *Exco* bantu siasatan (Nasional, 2.8.97)

5.4.16. Tanda Bacaan (ZL)

Unsur tanda bacaan yang digunakan di dalam tajuk berita agak ketara banyaknya. Penggunaan tanda bacaan sebagai suatu fenomena lazim di dalam tajuk berita dianggap suatu kaedah yang berkesan dan sesuai, terutama bagi tujuan keringkasan serta kepadatan makna tajuk berita. Pemakaian tanda baca seperti itu sebenar dapat menggantikan penggunaan kata atau frasa lain yang lebih panjang, di samping berupaya mengekalkan maksud yang hendak disampaikan. Tanda bacaan yang kerap digunakan adalah tanda koma (,) serta tanda titik bertindih (:). Bagi contoh-contoh tajuk berita yang menggunakan tanda bacaan tersebut adalah seperti berikut;

Waspada simpati bermuslihat : PM (Nasional, 1.5.96)

Damai : AS, Perancis cari nama (Dunia, 2.5.96)

Pesawat kargo terbalik, terbakar (Nasional, 2.8.97)

Cotte, Azman akan memuncak (Sukan, 2.5.97)

5.4.17. Kata Bantu (TG)

Kategori kata bantu di dalam kajian ini terdiri daripada kata yang berfungsi sebagai kata tugas, iaitu kata yang membantu frasa kerja, frasa adjektif atau frasa sendi nama di dalam penulisan tajuk-tajuk berita. Kata bantu yang dikenal pasti di dalam tajuk berita, misalnya kata *masih, akan sudah* dan lain-lain. Perhatikan tajuk berita di bawah;

Johor *masih* kubu kuat Umno (Nasional, 1.4.96)

Lima pegawai MPK *akan* diadili (Sukan, 1.4.96)

Amaran rasuah *sudah* berakhir (Nasional, 16.6.97)

5.4.18. Kata Nafi (WG)

Kategori kata nafi di sini merujuk kepada kata-kata yang frasa-frasa predikat seperti frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif dan frasa sendi nama yang terdapat di dalam tajuk-tajuk berita, misalnya melalui penggunaan kata *tidak* dan *bukan*. Selain itu, kategori kata ini juga termasuk kata-kata yang membawa maksud larangan atau tegahan seperti kata *usah*, *enggan* dan sebagainya. Hal ini dapat diperhatikan melalui tajuk-tajuk berita berikut:

MTUC *tidak* peduli penjelasan (Nasional, 1.3.96)

Kritikan *bukan* berniat cetus masalah (Nasional, 17.697)

BSKL *enggan campuri kuasa pasaran* (Ekonomi, 2.5.97)

Balak : Usah bimbang kritikan antarabangsa (Nasional, 2.7.97)

5.5. Analisis Aspek Struktur Tajuk Berita

Seperti yang telah diuraikan dalam bab-bab sebelumnya, wujud berbagai-bagai proses di luar bahasa yang berhubung kait dengan pembinaan bahasa tajuk berita. Dengan itu, wujud pula ciri-ciri struktur tajuk berita yang tersendiri. Dalam perkataan lain, ciri-ciri khas bentuk linguistik dalam bahasa tajuk berita akan dapat menunjukkan ciri-ciri struktur masyarakat bahasa berkenaan.

Berhubung dengan hal tersebut, berikut ini adalah hasil perumusan *ciri-ciri nahu tajuk berita berdasarkan pandangan linguistik struktural*.

Menurut Asmah (1995:71), retorik pada tajuk berita didapati pada pemilihan kata-kata. Dalam hal ini penggunaan struktur tertentu dalam tajuk berita akan memperlihatkan kesan yang tertentu juga. Retorik secara tradisional dianggap sebagai bidang kesusastraan, namun Asmah

mendakwa bahawa bahasa tajuk berita perlu dikaji dari sudut pandangan retorik tersebut. Dakwaan tersebut mengandungi implikasi bahawa tajuk berita merupakan hasil kegiatan bahasa dalam sesebuah masyarakat tertentu seperti diuraikan dalam 5.0 di atas. Demikian pula, hal tersebut telah dibincangkan dalam Bab IV sebelumnya.

Melaluiuraian-huraian dalam Bab IV tersebut, dapat kita fahami secara umum bahawa wujudnya hubungan yang erat antara fenomena bahasa dan masyarakat. Walaupun demikian, masih timbul pertanyaan sampai darjah mana wujud hubungan tersebut dan di mana wujudnya ciri-ciri struktural yang nyata dalam bahasa tajuk berita sebagai institusi? Untuk menjawab pertanyaan tersebut, dalamuraian tentang ciri-ciri bahasa laporan, Asmah (1995) masih berlandaskan pendekatan struktural. Berikut ini merupakan kerangka analisis bentuk linguistik tajuk berita dalam BH mengikuti cara pendekatan struktural untuk perumusan nahu bahasa tajuk berita dalam BH. Kerangka tersebut berlandaskan analisis struktural dalam perumusan nahu bahasa laporan.

5.5.1. Tajuk Berita Berstruktur Ekaruas

Struktur ekaruas merujuk kepada bentuk penulisan tajuk berita yang tidak mengandungi fokus serta lanjutan di dalamnya. Di dalam tajuk-tajuk berita yang bersifat ekaruas ini, pemilihan serta pemakaian kata-kata tertentu akan memainkan peranan yang penting, terutama dalam memberikan penekanan makna yang hendak disampaikan selain memperlihatkan daya sensasi tajuk berita. Misalnya;

PBB pinjam duit pengaman (BH, Nasional, 1.5.96)

Pahang tidak pandang Argentina lagi (BH, Sukan, 3.5.96)

Di dalam contoh tajuk berita di atas, tidak terdapat perkara tertentu yang menjadi fokus ataupun lanjutan terhadap fokus tajuk berita, sebaliknya disampaikan dalam struktur ayat selapis yang terdiri daripada komponen subjek dan predikat. Struktur berkenaan dapat diuraikan seperti berikut:

<i>subjek</i>	<i>predikat</i>
PBB	pinjam duit pengaman
Pahang	tidak pandang Argentina lagi

Dalam kajian yang lain pula, Tan Joo Seng (1994:211) membahagikan tajuk-tajuk berita yang bersifat ekarusas kepada dua jenis struktur sintaksis yang berlainan iaitu;

- 1) struktur aktif
- 2) struktur pasif

Di dalam penulisan tajuk-tajuk berita yang berstruktur aktif, subjek ayat akan didahulukan. Bagi tajuk-tajuk berita yang berstruktur pasif pula objeknya akan didahulukan, manakala subjek dalam tajuk berita lazimnya tidak dinyatakan. Berdasarkan analisis data kajian yang terkumpul, tajuk-tajuk berita yang berstruktur aktif lebih banyak digunakan berbanding dengan tajuk-tajuk berita yang berstruktur pasif. Contoh tajuk-tajuk berita yang berstruktur aktif misalnya;

- Negara mahu tingkat upah pekerja (Nasional, 1.5.96)
Jet Russia bedil kampung Chechnya (Dunia, 3.5.96)
BAM singkir Rashid (Sukan, 1.5.97)

Contoh tajuk-tajuk berita yang berstruktur pasif misalnya;

Peguam Charanjit dibenar panggil pakar (Nasional, 1.5.96)

Mara diarah tingkatkan kelas menengah (Nasional, 4.8.97)

Dua didenda tidak bayar zakat (Nasional, 1.2.96)

Penggunaan subjek di dalam tajuk-tajuk berita surat khabar BH dapat dibahagikan kepada dua bahagian (Tan Joo Seng, 1994:214) iaitu;

- 1) Tajuk berita ekasubjek
- 2) Tajuk berita dwisubjek

Tajuk berita ekasubjek ialah tajuk berita yang mengandungi satu subjek sahaja manakala tajuk berita dwisubjek pula ialah tajuk berita yang mengandungi dua subjek yang dikumpulkan serentak. Kaedah penulisan subjek-subjek di dalam tajuk berita yang berstruktur dwisubjek biasanya ditandai dengan penggunaan koma (,) yang berfungsi sebagai penghubung kedua-dua subjek berkenaan. Hal ini selaras dengan faktor keringkasan serta kendala ruangan di dalam penulisan surat khabar. Bentuk ekasubjek dan dwisubjek tersebut boleh didapati di dalam tajuk berita berstruktur aktif. Contoh-contoh tajuk berita yang menggunakan struktur di atas misalnya;

- 1) Tajuk berita berstruktur ekasubjek

Rakyat Peru bantah hasrat Fujimori (Dunia, 1.5.97)

MB cerita sejarah Islam (Nasional, 1.5.96)

Nawi janji beri khidmat terbaik (Nasional, 16.6.97)

Di dalam contoh-contoh di atas, kata-kata *rakyat Peru*, *MB* dan *Nawi* merupakan subjek tunggal di dalam tajuk berita.

2) Tajuk berita berstruktur dwisubjek

China, Taiwan cerobohi ZEE (Nasional, 2.2.96)

Malaysia, Filipina sedia bincang isu pekerja

(Nasional, 1.2.96)

Rosman, Chun Eng menyerlah (Sukan, 1.2.96)

Melalui contoh-contoh di atas kita dapat perhatikan bahawa kata-kata seperti China, Taiwan; Malaysia, Filipina dan Rosman, Chun Eng merupakan rangkaian kata yang membentuk dwisubjek di dalam tajuk-tajuk berita tersebut. China, Taiwan; Malaysia, Filipina; Rosman, Chun Eng masing-masing merupakan dua unsur tersendiri yang menjadi subjek di dalam tajuk berita dan boleh dihubungkan dengan penggunaan kata hubung *dan*. Contoh-contoh di atas dapat dijelaskan dalam bentuk sempurna dengan menggunakan kata penghubung aditif sebagaimana berikut;

China *dan* Taiwan cerobohi ZEE

Malaysia *dan* Filipina sedia bincang isu pekerja

Rosman *dan* Chun Eng menyerlah

Dalam pada itu, bagi menjelaskan bahawa kedua-dua unsur kata tersebut merupakan bahagian subjek yang tersendiri maka perkara tersebut mungkin dapat diterangkan secara berasingan setiap satunya seperti berikut;

1) China cerobohi ZEE

Taiwan cerobohi ZEE

2) Malaysia sedia bincang isu pekerja

Filipina sedia bincang isu pekerja

3) Rosman menyerlah

Chun Eng menyerlah

Sementara itu, struktur lain yang lazim digunakan di dalam penulisan tajuk berita ialah struktur pasif. Tajuk berita berstruktur pasif biasanya akan didahului dengan unsur objek sebagai komponen utamanya, manakala unsur subjeknya pula lazimnya tidak dinyatakan di dalam tajuk berita. Penampilan unsur objek di dalam tajuk berita dapat dibahagikan kepada dua jenis, iaitu;

- 1) ekaobjek
- 2) dwiobjek

Kategori tajuk berita yang ekaobjek ialah tajuk berita yang mengandungi satu objek sahaja yang difokuskan di dalamnya. Contoh tajuk-tajuk berita jenis ini seperti berikut;

Undang-undang syariah diseragamkan (Nasional, 1.8.97)

Panadol tiruan dirampas (Nasional, 2.7.97)

Peniaga diperintah bayar sekuriti RM40,000

(Nasional, 2.2.96)

Enam peniaga dikompaun (Nasional, 1.4.96)

Berdasarkan contoh-contoh tajuk berita di atas, kata-kata atau frasa seperti *undang-undang syariah*, *panadol tiruan*, *peniaga* dan *enam peniaga* merupakan objek yang difokuskan. Tajuk-tajuk berita berkenaan ditulis dalam bentuk pasif dengan menonjolkan unsur objeknya bagi tujuan penegasan. Sementara itu pelaku tidak dinyatakan di dalam semua tajuk berita tersebut. Sekiranya tajuk-tajuk berita di atas ditulis dengan lengkap dengan memasukkan pelaku yang munasabah setiap satunya, unsur tersebut dapat dihubungkan dengan kata *oleh*. Contoh-contoh tersebut barangkali dapat ditulis seperti berikut;

Undang-undang syariah diseragamkan oleh (*kerajaan*)
Panadol tiruan dirampas oleh (*pihak berkuasa*)
Peniaga diperintah bayar sekuriti RM40,000 oleh (*mahkamah*)
Enam peniaga dikompaun oleh (*mahkamah*)

Tajuk berita yang dwiobjek pula adalah tajuk berita yang mengandungi dua objek yang menjadi fokus utama yang dikumpul serentak di awalnya. Kedua-dua objek yang difokuskan itu dipisahkan oleh tanda koma (,) yang berfungsi sebagai penghubung kedua-duanya. Kedua-dua unsur objek tersebut adalah bersifat setara dalam kategori kata yang sama, iaitu frasa nama. Misalnya;

Ketua, 6 pengikut ajaran sesat ditahan (Nasional, 1.4.96)
Misbun, Razif dilantik ketua jurulatih (Sukan, 3.5.96)
JKR, PLUS ditegah sebut isu tol (Nasional, 3.2.96)
Rumah, gerai dihempap pokok (Nasional, 3.4.96)

Di dalam contoh-contoh tajuk di atas, pasangan kata-kata bercetak miring iaitu *ketua, 6 pengikut; Misbun, Razif; JKR, Plus* dan *rumah, gerai* terdiri daripada objek-objek yang terkumpul serentak yang menjadi fokus di dalam setiap tajuk berita berkenaan. Kecuali bagi contoh terakhir, tiga contoh di bahagian atas tidak menyatakan pelaku di dalam struktur ayat pasif tersebut. Bagi contoh terakhir tersebut, *pokok* merupakan pelaku atau subjek di dalam ayat berkenaan.

Bagi menjelaskan fungsi penghubung bagi penggunaan tanda koma di antara kedua-dua unsur objek fokus di dalam tajuk-tajuk berita sedemikian maka tajuk berita tersebut dapat ditulis seperti berikut;

Ketua dan 6 pengikut ajaran sesat ditahan
Misbun dan Razif dilantik ketua jurulatih
JKR dan PLUS ditegah sebut isu tol
Rumah dan gerai dihempap pokok

Untuk memperlihatkan pemisahan di antara kedua-dua unsur objek yang terbentuk dalam hubungan yang setara pula setiap contoh tajuk berita berkenaan akan dapat ditulis seperti berikut;

- a) *Ketua* ajaran sesat ditahan
6 pengikut ajaran sesat ditahan
- b) *Misbun* dilantik ketua jurulatih
Razif dilantik ketua jurulatih
- c) *JKR* ditegah sebut isu tol
PLUS ditegah sebut isu tol
- d) *Rumah* dihempap pokok
Gerai dihempap pokok

5.5.2. Tajuk Berita Berstruktur Dwiruas

Tajuk berita berstruktur dwiruas ialah tajuk berita yang mempunyai struktur fokus dan lanjutan (lihat Asmah, 1995:71). Akan tetapi Tan Joo Seng (1994:230) membahagikan tajuk-tajuk berita berstruktur dwiruas kepada dua jenis iaitu;

- 1) Fokus - Lanjutan
- 2) Yang dinyatakan - Yang menyatakan

Berlandaskan kedua-dua pandangan di atas, ciri-ciri struktur tajuk berita dapat diuraikan seperti berikut ini.

5.5.2.1 Tajuk Berita Berstruktur Dwiruas Fokus - Lanjutan

Fokus tajuk berita merupakan unsur yang dianggap penting atau mempunyai daya penarik utama berita dan diberi penekanan di bahagian awal tajuk berita. Unsur tersebut boleh terdiri daripada satu kata atau frasa. Unsur yang mengikuti fokus tajuk berita itu pula dinamakan

lanjutan tajuk berita. Unsur tersebut memberi cerita atau maklumat lanjutan yang berikutan dengan cerita yang tersirat di dalam fokus. Lanjutan tidak merupakan parafrasa atau tafsiran bagi tajuk (Asmah, 1995:71). Contoh-contoh tajuk berita jenis ini misalnya;

Letupan : 55 mati di sri Langka (Dunia, 1.2.96)

Pemilihan : Pengawasan dipertingkat (Nasional, 2.5.96)

Ragbi : Tiga negeri diketepi (Sukan, 1.5.97)

Aids : Media massa mesti sebar mesej (Nasional, 1.7.97)

Industri makanan : Malaysia minta bantuan Denmark

(Nasional, 2.3.96)

Kata-kata atau frasa yang berhuruf miring yang terdapat di bahagian awal setiap contoh tajuk berita di atas iaitu *letupan*, *pemilihan*, *ragbi*, *Aids* dan *industri makanan* merupakan fokus tajuk berita dan dianggap sebagai unsur utama di dalam tajuk-tajuk berita tersebut. Sementara itu bahagian seterusnya di dalam setiap tajuk berita tersebut merupakan lanjutan tajuk. Tanda titik bertindih (:) berfungsi sebagai pemisah di antara kedua-dua bahagian berkenaan.

5.5.2.2. Tajuk Berita Berstruktur Yang Dinyatakan - - Yang Menyatakan

Tajuk berita yang mengandungi unsur 'yang dinyatakan' - 'yang menyatakan' mempunyai struktur yang sama dengan tajuk berita yang berstruktur fokus-lanjutan yang telah dinyatakan di atas. Bagaimanapun, unsur yang dinyatakan di dalam tajuk berita merupakan pernyataan atau maksud yang disampaikan oleh seseorang penutur dan ditulis semula dalam bentuk cakap pindah di dalam sesbuah tajuk berita. Unsur dalam bentuk cakap pindah di dalam sesbuah tajuk berita. Unsur tersebut merupakan bahagian utama yang diletakkan di bahagian awal

tajuk berita. Akan tetapi bahagian berikutnya pula, iaitu yang menyatakan merupakan pihak penutur yang menyampaikan sesuatu pernyataan tersebut. Kedua-dua bahagian tersebut juga biasanya dipisahkan oleh tanda titik bertindih (:) ataupun tanda sempang (-). Misalnya;

- Jenayah perang hak individu : Karadzik (Dunia, 1.2.96)
Bezakan karya klasik, moden : Samad (Nasional, 2.2.96)
Terserah kepada S46 : Nik Aziz (Nasional, 3.2.96)
Sabah tidak merosot : Anifah (Sukan, 1.4.96)
Kini masa untuk bertindak : Anwar (Nasional, 16.6.97)
Hindari politik kesukuan : Najib (Nasional, 1.7.97)

Melalui contoh-contoh di atas, dapat dilihat bahawa setiap tajuk berita tersebut mengandungi dua bahagian yang dipisahkan oleh tanda titik bertindih. Bahagian awal tajuk-tajuk berita tersebut merupakan intipati pernyataan seseorang yang dianggap penting yang dikutip semula untuk dinyatakan di dalam tajuk berita. Sementara itu bahagian berikutnya pula adalah tokoh atau aktor yang menyatakan perkara berkenaan. Oleh yang demikian rangkaian-rangkaian frasa *Jenayah perang hak individu; Bezakan karya klasik, moden; Terserah kepada S46; Sabah tidak merosot; Kini masa untuk bertindak dan Hindari politik kesukuan* terdiri daripada unsur Yang dinyatakan, manakala *Karadzik; Samad; Nik Aziz; Anifah; Anwar* dan *Najib* adalah unsur yang menyatakan, iaitu tokoh yang menyatakan pernyataan-pernyataan di atas.

5.5.3. Analisis Nahu Tajuk Berita

Memandangkan tajuk-tajuk berita merupakan bentuk yang ringkas dan padat, maka kebiasaanya tajuk-tajuk berita tersebut sering mengabaikan aturan-aturan nahu normatif. Sebagaimana yang telah disebutkan sebelum

tajuk berita. Akan tetapi bahagian berikutnya pula, iaitu yang menyatakan merupakan pihak penutur yang menyampaikan sesuatu pernyataan tersebut. Kedua-dua bahagian tersebut juga biasanya dipisahkan oleh tanda titik bertindih (:) ataupun tanda sempang (-). Misalnya;

- Jenayah perang hak individu : Karadzik (Dunia, 1.2.96)
- Bezakan karya klasik, moden : Samad (Nasional, 2.2.96)
- Terserah kepada S46 : Nik Aziz (Nasional, 3.2.96)
- Sabah tidak merosot : Anifah (Sukan, 1.4.96)
- Kini masa untuk bertindak : Anwar (Nasional, 16.6.97)
- Hindari politik kesukuan : Najib (Nasional, 1.7.97)

Melalui contoh-contoh di atas, dapat dilihat bahawa setiap tajuk berita tersebut mengandungi dua bahagian yang dipisahkan oleh tanda titik bertindih. Bahagian awal tajuk-tajuk berita tersebut merupakan intipati pernyataan seseorang yang dianggap penting yang dikutip semula untuk dinyatakan di dalam tajuk berita. Sementara itu bahagian berikutnya pula adalah tokoh atau aktor yang menyatakan perkara berkenaan. Oleh yang demikian rangkaian-rangkaian frasa *Jenayah perang hak individu; Bezakan karya klasik, moden; Terserah kepada S46; Sabah tidak merosot; Kini masa untuk bertindak* dan *Hindari politik kesukuan* terdiri daripada unsur Yang dinyatakan, manakala *Karadzic; Samad; Nik Aziz; Anifah; Anwar* dan *Najib* adalah unsur yang menyatakan, iaitu tokoh yang menyatakan pernyataan-pernyataan di atas.

5.5.3. Analisis Nahu Tajuk Berita

Memandangkan tajuk-tajuk berita merupakan bentuk yang ringkas dan padat, maka kebiasaanya tajuk-tajuk berita tersebut sering mengabaikan aturan-aturan nahu normatif. Sebagaimana yang telah disebutkan sebelum

ini kaedah penulisan tajuk berita menggunakan sejumlah perkataan yang seminimum mungkin untuk menyampaikan maksud yang semaksimum mungkin. Oleh itu, penggunaan kata-kata yang berlebihan dan tidak perlu akan dielakkan sama sekali. Untuk tujuan itu maka aturan-aturan nahu yang normatif mungkin tidak dipatuhi atau dititikberatkan asalkan maksud sebenar dan penting dapat difahami oleh pembaca.

Berhubung dengan analisis mengenai aspek nahu tajuk berita ini, hal ini dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu;

- 1) tajuk berita berbentuk frasa
- 2) tajuk berita berbentuk ayat

5.5.3.1 Tajuk Berita Berbentuk Frasa

Tajuk berita berbentuk frasa merupakan tajuk berita yang menggunakan frasa sebagai fokus tajuk dan boleh berfungsi dengan lengkap untuk menyampaikan maksud yang hendak disampaikan kepada pembaca. Kebiasaannya, tajuk-tajuk berita jenis ini terdiri daripada bentuk frasa nama. Menurut Asmah (1995:72) kebanyaknya frasa yang berfungsi sebagai fokus tajuk yang lebih besar atau sebagai tajuk yang berdiri sendiri terdiri daripada frasa nama, namun terdapat frasa-frasa jenis lain, misalnya frasa kerja atau frasa adjektif yang dijadikan tajuk berita tersebut. Walau bagaimanapun, tajuk berita jenis ini tidak terlalu banyak bilangannya kerana tajuk-tajuk berita sebegini biasanya mengandungi makna yang terbatas berbanding dengan makna yang terdapat di dalam tajuk berita yang berbentuk ayat. Berdasarkan penelitian yang dibuat, kebanyaknya tajuk berita jenis frasa yang ditemui merupakan frasa yang terbina di dalam komponen predikat ayat. Dalam tajuk berita sedemikian, lazimnya bahagian predikat ayat diambil sebahagian atau sepenuhnya

untuk dijadikan tajuk berita dengan tidak menyatakan bahagian subjek ayat ataupun pelakunya. Contoh-contoh tajuk berita jenis ini misalnya;

- 1) Tambahan demi keadilan (Nasional, 1.2.96)
- 2) Siri keganasan sukan (Sukan, 2.7.97)
- 3) Jual lesen RM300,000 (Nasional, 2.3.96)
- 4) Batal musnah paip (Dunia, 2.5.97)
- 5) Gembira dapat habuan (Nasional, 1.2.96)

Berdasarkan contoh-contoh tajuk berita yang diberikan di atas, kesemuanya merupakan frasa di dalam predikat ayat. Contoh 1) dan 2) adalah merupakan binaan frasa nama predikat ayat manakala 3) dan 4) adalah binaan frasa kerja dan 5) pula adalah binaan frasa adjektif. Unsur subjek atau pelaku di dalam setiap tajuk berita tersebut tidak dinyatakan.

5.5.3.2. Tajuk Berita Berbentuk Ayat

Berdasarkan penelitian yang dibuat terhadap data kajian, didapati bahawa tajuk-tajuk berita berbentuk ayat lebih banyak bilangannya berbanding dengan tajuk berita jenis frasa. Penggunaan tajuk berita berbentuk ayat lebih relevan dan berkesan kerana keupayaannya menyampaikan makna atau maksud yang lebih luas dan jelas. Tajuk berita berbentuk ayat bersifat normatif kerana terdiri daripada pola nahu yang lengkap, iaitu mengandungi subjek dan predikat. Walau bagaimanapun, memandangkan ayat kebiasaannya mempunyai bentuk binaan yang agak panjang maka beberapa unsur atau bahagian tertentu mungkin ataupun terpaksa diabaikan di dalam penulisannya atas sebab-sebab atau tujuan-tujuan tertentu. Umpamanya, oleh sebab faktor kendala ruang yang dihadapi di dalam surat khabar maka beberapa bahagian atau unsur nahu tertentu akan diketepikan ataupun mengalami

penghilangan. Antara unsur-unsur yang kerap mengalami penghilangan ialah unsur-unsur pengimbuhan dan juga penghilangan unsur-unsur frasa tertentu seperti frasa keterangan dan sebagainya. Sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini, penghilangan unsur pengimbuhan sering dianggap sebagai suatu kaedah yang wajar di dalam penulisan tajuk berita selagi tidak menjelaskan maksud yang hendak disampaikan. Dalam hal ini, bentuk kata dasar amat relevan digunakan sekalipun melanggar aturan nahu normatif.

Berdasarkan analisis data kajian, pada umumnya tajuk-tajuk berita berbentuk ayat yang kerap digunakan di dalam surat khabar BH dapat diklasifikasikan kepada tiga pola utama iaitu;

- 1) Pola frasa nama (FN) + frasa nama (FN)
- 2) Pola frasa nama (FN) + frasa kerja (FK)
- 3) Pola frasa nama (FN) + frasa adjektif (FA)

(1) FN + FN

Tajuk-tajuk berita jenis ini adalah terdiri daripada subjek dan predikat yang mengandungi kata atau frasa nama. Misalnya;

184 pelajar keracunan makanan (Nasional, 2.2.96)
India pengeksport utama lada hitam (Ekonomi, 3.5.97)
Umno penentu masa depan Pas, S46 di Kelantan
(Nasional, 1.5.96)

Hamzah juara peraduan memancing NSTP (Nasional, 4.8.97)
Keluaran penapisan minyak penyumbang keuntungan
(Ekonomi, 3.5.97)

Berdasarkan contoh-contoh yang dikemukakan di atas, tajuk-tajuk berita tersebut terdiri daripada dua bahagian utama, iaitu subjek dan predikat. Bagi binaan subjek ayat di dalam contoh tersebut terdiri

daripada kata atau rangkaian frasa nama iaitu *184 pelajar*, *India*, *Umno*, *Hamzah* dan *Keluaran penapisan minyak*, manakala bahagian-bahagian berikutnya pula adalah merupakan binaan predikat ayat yang terdiri daripada rangkaian binaan frasa nama seperti *keracunan makanan*; *pengeksport utama lada hitam*; *penentu masa depan masa depan Pas, S46 di Kelantan*; *juara peraduan memancing NSTP* dan *penyumbang keuntungan*.

Bagi menjelaskan lagi pembahagian kedua-dua komponen binaan frasa nama subjek dan frasa nama predikat yang melengkapi struktur tajuk berita tersebut maka hal tersebut dapat dinyatakan seperti di berikut;

<i>Ayat</i>	<i>Subjek (FN)</i>	<i>+ Predikat (FN)</i>
	[184 pelajar]	[keracunan makanan]
	[India]	[pengeksport utama lada hitam]
	[Umno]	[penentu masa depan Pas, S46 di Kelantan]
	[Hamzah]	[juara peraduan memancing NSTP]
	[Keluaran penapisan minyak]	[penyumbang keuntungan]

(2) FN + FK

Berdasarkan data kajian yang diteliti, pola FN + FK merupakan pola yang paling banyak digunakan di dalam penulisan tajuk berita. Kebanyakan tajuk berita memanfaatkan penggunaan frasa kerja predikat bagi tujuan menyampaikan maksud atau maklumat berkaitan dengan perlakuan atau sesuatu tindakan yang dilakukan. Pada umumnya, penggunaan bentuk frasa kerja di dalam tajuk-tajuk berita dapat dibahagikan kepada dua jenis utama, iaitu struktur aktif dan struktur pasif.

(3) FN + FK aktif

Tajuk-tajuk berita yang berstruktur aktif dapat dibahagikan kepada dua jenis berdasarkan pemakaian kata kerja dalam predikat ayat, iaitu binaan kata kerja transitif dan binaan kata kerja tak transitif.

- i) binaan kata kerja transitif
 - ii) binaan kata kerja tak transitif
- (i) Binaan predikat KK aktif transitif

Berdasarkan sumber data yang diteliti, contoh tajuk-tajuk berita yang terdiri daripada binaan predikat yang mengandungi kata kerja transitif dapat diperhatikan seperti di bawah;

Golkar turunkan 14 menteri bantu kempen (Dunia, 1.5.97)
Semua pekerja kerajaan dapat elau rumah (Nasional, 1.2.96)
Pengurus Ireland intai bintang Afrika Selatan (Sukan, 2.3.96)
Anwar umum nama MB Selangor? (Nasional, 1.5.97)

Melalui contoh-contoh yang dikemukakan di atas, setiap tajuk berita tersebut mengandungi subjek frasa nama manakala predikat pula terdiri daripada frasa kerja transitif. Frasa nama subjek di dalam contoh tajuk berita di atas adalah seperti berikut, iaitu *Golkar*, *semua pekerja kerajaan*, *pengurus Ireland* dan *Anwar*. Binaan frasa kerja transitif yang membentuk predikat ayat pula terdiri daripada kata *turunkan* (menurunkan), *dapat* (mendapat), *intai* (mengintai) dan *umum* (mengumumkan).

Kata-kata atau frasa seperti *14 menteri*, *elaun rumah*, *bintang Afrika Selatan* dan *nama MB Selangor* di dalam binaan predikat ayat di atas merupakan objek bagi frasa kerja transitif tersebut. Dari segi analisis

struktur nahu, contoh tajuk-tajuk berita di atas dapat dibahagikan mengikut bahagian-bahagian seperti berikut;

Ayat Subjek (FN) + Predikat (FK) KK transitif + Objek

[Golkar]	[turunkan 14 menteri]
[Semua pekerja kerajaan]	[dapat elau rumah]
[Pengurus Ireland]	[intai bintang Afrika]
[Anwar]	[umum nama MB Selangor]

(ii) Binaan predikat KK aktif tak transitif

Tajuk-tajuk berita jenis ini terdiri daripada binaan predikat yang mengandungi kata kerja tak transitif. Contoh tajuk-tajuk berita jenis ini ialah;

Ketua Pengarah LKM bersara (Nasional, 1.3.96)

Harga ayam turun di seluruh negara (Nasional, 1.5.97)

Pelumba negara sudah bersedia (Sukan, 1.5.96)

Di dalam contoh-contoh tajuk berita di atas, kata-kata seperti *bersara*, *turun* dan *bersedia* terdiri daripada kata kerja tak transitif. Berdasarkan data yang diteliti, kebanyakan tajuk berita yang terdiri daripada binaan frasa kerja tak transitif tidak memasukkan frasa keterangan selepas kata kerja. Hal ini mungkin dilakukan atas tujuan tertentu, misalnya masalah ruangan yang terhad ataupun sebagai salah satu teknik bagi mendorong pembaca membaca kandungan laporan berita yang hendak disampaikan. Tajuk-tajuk berita sebegini selalunya bersifat umum. Oleh yang demikian, keterangan yang berkaitan dengan kata kerja berkenaan hanya dapat diketahui melalui pembacaan menyeluruh kandungan tubuh atau laporan berita. Berdasarkan contoh yang dinyatakan di atas, tajuk berita *Pelumba negara sudah bersedia* ternyata mengundang kekeliruan kepada pembaca berhubung dengan jenis sukan atau pertandingan yang dikaitkan dengan

persediaan yang dilakukan. Dalam hal lain pula, maksud tajuk berita tersebut boleh juga dikaitkan dengan persediaan apakah yang sudah dibuat oleh pelumba tersebut, misalnya *bersedia mengikuti latihan; bersedia bertanding; bersedia menghadapi saingan atau sebagainya.*

(4) FN + FK pasif

Tajuk-tajuk berita pola frasa nama + frasa kerja yang berstruktur pasif menggunakan kata kerja pasif dengan imbuhan kerja pasif *di-* dan *ter-* ataupun dengan menggunakan kata penanda pasif *kena* yang hadir sebelum kata kerja. Akan tetapi pelaku (aktor) perbuatan berkenaan pula lazimnya tidak dinyatakan di dalam tajuk-tajuk berita jenis ini. Pengabaian terhadap unsur pelaku *di* dalam tajuk berita sebegini juga barangkali disebabkan oleh faktor keringkasan tajuk berita serta keterbatasan ruang *di* dalam surat khabar. Penulisan tajuk berita berstruktur tersebut hanya mengutamakan maksud perlakuan atau kejadian tanpa menyatakan pihak yang melakukannya atau yang terbabit. Pelaku atau pihak yang terlibat dengan perbuatan atau kejadian akan dinyatakan *di* dalam laporan berita.

i) KK Pasif *di-*

Berdasarkan penelitian terhadap tajuk-tajuk berita yang dikaji, didapati tajuk-tajuk berita jenis ini sangat lazim digunakan. Tajuk-tajuk berita jenis ini terdiri daripada ayat yang mengandungi kata kerja berimbuhan kata kerja pasif *di-*. Contoh tajuk berita jenis ini, misalnya;

Kekosongan kerusi DUN *dimaklumkan* kepada SPR
(Nasional, 1.5.96)

Rakyat *disaran* gunakan bahasa Melayu (Nasional, 2.7.97)

Mumia *dijumpai* di bank (Dunia, 1.8.97)

Halim, Rahman *digantung* (Sukan, 3.3.96)

86 projek industri *dilulus* di Sabah (Nasional, 2.4.96)

Melayu *diajak* sertai Umno (Nasional, 2.5.96)

Melalui contoh tajuk-tajuk berita yang dinyatakan di atas, kata kerja *dimaklumkan*, *disaran*, *dijumpai*, *digantung*, *dilulus* dan *diajak* terdiri daripada kata kerja pasif dengan imbuhan pasif *di-*. Kesemua struktur ayat pasif di atas tidak menyatakan frasa nama pelaku selepas kata kerjanya. Secara lazimnya, dalam struktur ayat berkenaan, kata kerja berimbuhuan pasif *di-* akan diikuti oleh kata sendi *oleh* dan *frasa nama* pelaku seperti dalam binaan berikut, *oleh + frasa nama*. Di dalam struktur ayat pasif, pengguguran binaan kata sendi *oleh + frasa nama* (pelaku) adalah bertujuan untuk memberi penekanan terhadap unsur subjeknya. Hal sebeginilah yang sangat lazim terjadi kepada penulisan tajuk-tajuk berita. Ciri sedemikian merupakan fenomena biasa di dalam penulisan tajuk-tajuk berita yang barangkali juga disebabkan oleh faktor-faktor tertentu sebagaimana dinyatakan di atas tadi. Bagaimanapun, kaedah sedemikian tidak menjaskankan maksud yang hendak disampaikan oleh tajuk berita tersebut. Bagi memperlihatkan struktur binaan lengkap bentuk ayat pasif tajuk-tajuk berita di atas maka tajuk berita tersebut dapat ditulis seperti berikut:

Kekosongan kerusi DUN dimaklumkan *oleh kerajaan*
kepada SPR

Rakyat disaran *oleh kerajaan (supaya)* gunakan bahasa
Melayu

Mumia dijumpai *oleh ahli arkeologi* di bank

Halim, Rahman digantung *oleh persatuan*

86 projek industri dilulus *oleh kerajaan* di Sabah

Melayu diajak *oleh Perdana Menteri* sertai Umno

Di samping itu, terdapat juga ayat tajuk berita berstruktur pasif dengan imbuhan *di-* ini yang memasukkan frasa nama pelaku sahaja tanpa kata sendi oleh selepas kata kerja pasifnya. Namun bilangannya sedikit sekali. Hal ini lazimnya terjadi di dalam tajuk berita yang agak panjang dan ternyata bertujuan untuk meringkaskan ayat sesuatu tajuk berita berkenaan. Misalnya;

Murid hilang ingatan akibat *ditampar guru*

(Nasional, 2.3.96)

Pekerja kilang cedera *diserang madu* (Nasional, 1.7.97)

Murid cedera teruk *dirotan guru* (Nasional, 2.7.97)

Berdasarkan contoh-contoh di atas, didapati kata *oleh* tidak dimasukkan di antara kata kerja pasif dan kata nama pelaku seperti sepatutnya dalam struktur yang normatif. Mengikut aturan nahu sebenar, frasa-frasa *ditampar guru*, *diserang madu* (isteri kedua) dan *dirotan guru* seharusnya ditulis *ditampar oleh guru*, *diserang oleh madu* (isteri kedua) dan *dirotan oleh guru*.

ii) KK pasif *ter-*

Sebagaimana yang telah dibicarakan di atas tadi (5.4.2.2,a), terdapat juga tajuk-tajuk berita berstruktur pasif yang menggunakan imbuhan kata kerja pasif *ter-*. Bagaimanapun, tajuk-tajuk berita jenis ini tidak sebanyak tajuk berita berstruktur pasif yang menggunakan imbuhan kata kerja *di-*. Dalam hal ini, kata kerja yang terdapat di dalam ayat tajuk berita tersebut menggunakan imbuhan awalan *ter-*. Secara normatif, seperti juga aturan di dalam struktur ayat pasif dengan imbuhan *di-* yang dibicarakan di atas, struktur ayat pasif dengan kata kerja berimbuhan pasif *ter-* seharusnya diikuti unsur kata sendi oleh dan frasa

nama selepas kata kerjanya, seperti dalam binaan berikut, *ter-* (*kata kerja*) ... *oleh* + *kata nama*. Namun, apa yang dapat diperhatikan di dalam sumber data yang dikaji, tajuk-tajuk berita yang menggunakan struktur pasif dengan imbuhan kata kerja pasif turut mengabaikan penggunaan kata sendi *oleh* dan *frasa nama* pelaku selepas kata kerja pasif. Perhatikan contoh-contoh yang dikemukakan berikut:

Tanam rumput elak sungai *tercemar* (Nasional, 2.5.96)

75 peratus kes *tertangguh* selesai (Nasional, 3.2.96)

Wanita maut *tertimbus* (Nasional, 3.2.96)

Peneroka Ulu Tebrau usah *terpedaya* (Nasional, 2.5.97)

Serangan penyakit semakin *terkawal* (Nasional, 16.6.97)

Di dalam ayat-ayat tajuk berita berstruktur pasif di atas, kata-kata *tercemar*, *tertangguh*, *tertimbus*, *terpedaya* dan *terkawal* terdiri daripada kata kerja pasif dengan imbuhan *ter-*. Semua tajuk berita tersebut tidak memasukkan kata sendi *oleh* dan *kata nama* pelakunya yang seharusnya wujud selepas kata kerja pasif di dalam ayat. Bagaimanapun, tajuk-tajuk berita sedemikian masih berupaya menyatakan maksud sebenarnya kepada pembaca. Hanya pelakunya sahaja yang tidak dinyatakan dan hal tersebut akan dapat diketahui dengan membaca laporan berita berkenaan seluruhnya. Bagi menjelaskan struktur lengkap bagi ayat-ayat tajuk di atas, maka barangkali dapatlah ditulis seperti berikut;

Tanam rumput elak sungai *tercemar oleh sisa kotoran*

75 peratus kes *tertangguh oleh hakim* selesai

Wanita maut *tertimbus oleh tanah runtuh*

Peneroka Ulu Tebrau usah *terpedaya oleh pemaju*

Serangan penyakit semakin *terkawal oleh pihak kerajaan*

iii) KK pasif *kena*

Selain kaedah yang menggunakan imbuhan kata kerja pasif *di-* dan *ter-*, terdapat juga tajuk berita yang menggunakan penanda pasif *kena*. Tajuk-tajuk berita yang menggunakan kaedah ini jarang sekali digunakan. Perhatikan contoh tajuk berita di bawah;

Bookie *kena* penjara, denda RM10,000 (Nasional, 3.2.96)

349 pemandu mabuk *kena* dakwa (Nasional, 1.4.96)

(5) FN + FA

Di dalam tajuk berita berpola frasa nama + frasa adjektif, struktur binaan ayatnya terdiri daripada subjek yang mengandungi kata atau frasa nama manakala predikatnya pula mengandungi kata atau frasa adjektif. Perhatikanlah contoh tajuk berita jenis ini di bawah;

Pasangan gembira dapat bayi tahun lompat

(Nasional, 1.3.96)

Pasaran harta kukuh (Ekonomi, 2.2.96)

Kejaguhan pesilat lelaki masih samar (Sukan, 2.5.97)

Kenaikan tarif masih rendah (Nasional, 1.3.96)

Pengenalan mata wang euro masih kabur

(Ekonomi, 2.8.97)

Melalui contoh tajuk-tajuk berita yang diberikan di atas, kata-kata atau frasa *pasangan*; *pasaran harta*; *kejaguhan pesilat lelaki*; *kenaikan tarif* dan *pengenalan mata wang euro* terdiri daripada binaan subjek ayat manakala bahagian berikutnya, iaitu frasa *gembira dapat bayi tahun lompat*; *kukuh*; *masih samar*; *masih rendah* dan *masih kabur* pula ialah binaan predikat ayat. Dari segi binaan subjek dan predikat ayat tajuk berita jenis ini dapat dibuat seperti berikut;

<i>Ayat</i>	<i>Subjek (FN)</i>	+	<i>Predikat (FA)</i>
	[Pasangan]		[gembira dapat bayi tahun lompat]
	[Pasaran hartanah]		[kukuh]
	[Kejaguhan pesilat lelaki]		[masih samar]
	[Kenaikan tarif]		[masih rendah]
	[Pengenalan mata wang euro]		[masih kabur]

Melalui analisis struktur tajuk berita setakat ini dapat diketahui bahawa bahasa tajuk berita sebenarnya mempunyai ciri-ciri tersendiri. Untuk menghuraikan ciri-ciri bahasa tajuk berita tersebut secara terperinci tajuk berita perlu diselidiki dari segi nahu seperti yang berikut ini.

5.6. Ciri-ciri Khas Nahu Tajuk Berita

Asmah (1983) telah berpendapat bahawa terdapat ciri-ciri istimewa di dalam bahasa surat khabar, terutama dalam kaedah penulisan tajuk berita. Menurut beliau, bahasa tajuk berita memperlihatkan ciri-ciri yang khusus jika dilihat dari konteks nahu tajuk berita. Yang dimaksudkan dengan nahu tajuk berita di sini ialah penulisan tajuk-tajuk berita tidak terikat kepada aturan-aturan nahu yang lazim dan ketat, sebaliknya tajuk-tajuk berita yang terhasil sebenarnya merupakan proses penerapan kaedah serta teknik tertentu untuk mewujudkan bentuk tajuk berita yang menarik, padat dan berkesan.

Sebenarnya, selain bertujuan untuk menyampaikan maksud dengan jelas, tajuk berita juga berusaha menonjolkan ciri-ciri gaya penyampaian yang indah melalui teknik kebahasaan yang menarik. Hal ini yang menyebabkan tajuk berita kadang kala terpaksa mengabaikan aspek-aspek tatabahasa normatif. Dengan demikian, aspek penyimpangan tatabahasa di

dalam tajuk-tajuk berita adalah suatu hal yang lazim sekalipun banyak pihak cuba memberi tanggapan yang negatif terhadap ciri kelaziman tersebut. Dari segi penyimpangan tatabahasa, terdapat dua aspek utama yang sering menjadi kelaziman penyimpangan di dalam penulisan tajuk-tajuk berita surat khabar BH yang diteliti, iaitu aspek morfologi dan aspek sintaksis.

5.6.1. Penyimpangan Aspek Morfologi

Penyimpangan unsur-unsur morfologi yang akan dihuraikan di sini berkaitan dengan pengabaian terhadap penggunaan imbuhan dalam perkataan-perkataan tertentu yang lazim terjadi di dalam penyampaian tajuk-tajuk berita. Apa yang jelas dapat diperhatikan daripada data kajian ialah bahawa terdapat banyak sekali perkataan yang digunakan di dalam tajuk berita yang tidak mempunyai imbuhan yang sewajarnya. Keadaan ini seperti sudah menjadi suatu fenomena yang sangat lazim dalam penulisan tajuk-tajuk berita. Hal ini sudah tentu tidak menepati aturan nahu normatif namun sama sekali tidak bersalahan dengan amalan dalam penulisan surat khabar, khususnya penyampaian tajuk berita. Dari segi penyimpangan terhadap pemakaian imbuhan pada perkataan-perkataan di dalam tajuk berita, imbuhan kata kerja paling banyak digugurkan berbanding dengan imbuhan lain. Dalam hal ini, bentuk imbuhan yang paling kerap terlibat terdiri daripada imbuhan awalan dan imbuhan apitan. Gejala yang paling ketara ialah perkataan-perkataan ditulis dalam bentuk kata dasar sahaja di dalam tajuk-tajuk berita manakala imbuhanya digugurkan begitu sahaja. Tajuk-tajuk berita yang mengalami penyimpangan dari segi penggunaan unsur-unsur imbuhan akan dihuraikan dengan jelas di bawah ini.

5.6.1.1. Pengguguran Imbuhan Awalan

Dalam konteks penyimpangan dari segi penggunaan imbuhan awalan ini, kata-kata yang seharusnya memakai imbuhan awalan telah digugurkan imbuhan awalannya dan hanya ditulis dalam bentuk kata dasar sahaja, tetapi masih membawa fungsi kata berimbuhan. Bentuk imbuhan awalan yang lazim mengalami proses pengguguran ialah imbuhan *meN-* dan imbuhan *ber-*. Misalnya;

Sokongan kesatuan *bantu* kejayaan (Nasional, 1.5.97)

Tawaran awam *dapat* sambutan (Ekonomi, 16.6.97)

Sidang EU *kaji* tuntutan Perancis (Dunia, 16.6.97)

Kamaruddin *janji* *bantu* rakyat (Nasional, 1.8.97)

Pembangkang mahu *tanding* kerusi Bukit Asahan

(Nasional, 1.5.96)

Berdasarkan contoh tajuk-tajuk berita yang dinyatakan di atas, jelas bahawa kata-kata seperti *bantu*, *dapat*, *kaji*, *janji*, *bantu*, dan *tanding* telah mengalami penyimpangan dari segi penggunaan imbuhan awalan. Perkataan-perkataan tersebut telah ditulis dalam bentuk kata dasar sahaja, sedangkan semua perkataan tersebut seharusnya mengandungi imbuhan awalan. Bentuk sebenar setiap perkataan di atas dapat ditulis seperti berikut;

<i>kata</i>	<i>imbuhan awalan</i>	<i>perkataan sebenar</i>
bantu	mem-	membantu
dapat	men-	mendapat
kaji	meng-	mengkaji
janji	ber-	berjanji
bantu	mem-	membantu
tanding	ber-	bertanding

5.6.1.2. Pengguguran Imbuhan Terbahagi

Dalam konteks penyimpangan dari segi penggunaan imbuhan terbahagi, kata-kata yang sepatutnya mengandungi imbuhan tersebut telah digugurkan imbuhaninya sama ada sebahagian ataupun semua sekali. Dalam hal ini, kata-kata yang imbuhaninya digugurkan sebahagian sahaja mungkin mengalami penghilangan di bahagian awalnya sahaja ataupun sebaliknya, iaitu di bahagian akhirnya sahaja. Bagi kata-kata yang mengalami pengguguran imbuhan sepenuhnya pula, kata-kata berkenaan telah ditulis dalam bentuk kata dasar sahaja. Antara imbuhan terbahagi yang kerap mengalami penyimpangan tertentu seperti yang dinyatakan di atas ialah imbuhan *meN-kan*, *per-kan*, *meN-i*, *di-kan*, *memper-kan* dan sebagainya. Perhatikan contoh tajuk-tajuk berita yang mengalami pelbagai situasi penyimpangan bentuk imbuhan terbahagi yang dinyatakan seperti yang berikut ini.

5.6.1.2.1. Pengguguran Bahagian Awal Imbuhan Terbahagi

Pengguguran bahagian awal imbuhan memperlihatkan hanya unsur imbuhan terbahagi di bahagian awal kata yang digugurkan manakala di bahagian akhir katanya dikekalkan. Misalnya:

Guingamp *jadikan* Marseille mangsa terbaru (Sukan, 1.2.96)

Sulaiman *hargai* bantuan (Nasional, 2.7.97)

Tiga syarikat *sertai* Pempena (Nasional, 2.7.97)

Motosikal *cepatkan* penghantaran ayam (Dunia, 2.4.96)

Kata-kata *jadikan*, *hargai*, *sertai* dan *cepatkan* di dalam ayat-ayat tajuk berita di atas sebenarnya telah mengalami pengguguran sebahagian

5.6.1.2. Pengguguran Imbuhan Terbahagi

Dalam konteks penyimpangan dari segi penggunaan imbuhan terbahagi, kata-kata yang sepatutnya mengandungi imbuhan tersebut telah digugurkan imbuhanya sama ada sebahagian ataupun semua sekali. Dalam hal ini, kata-kata yang imbuhanya digugurkan sebahagian sahaja mungkin mengalami penghilangan di bahagian awalnya sahaja ataupun sebaliknya, iaitu di bahagian akhirnya sahaja. Bagi kata-kata yang mengalami pengguguran imbuhan sepenuhnya pula, kata-kata berkenaan telah ditulis dalam bentuk kata dasar sahaja. Antara imbuhan terbahagi yang kerap mengalami penyimpangan tertentu seperti yang dinyatakan di atas ialah imbuhan *meN-kan*, *per-kan*, *meN-i*, *di-kan*, *memper-kan* dan sebagainya. Perhatikan contoh tajuk-tajuk berita yang mengalami pelbagai situasi penyimpangan bentuk imbuhan terbahagi yang dinyatakan seperti yang berikut ini.

5.6.1.2.1. Pengguguran Bahagian Awal Imbuhan Terbahagi

Pengguguran bahagian awal imbuhan memperlihatkan hanya unsur imbuhan terbahagi di bahagian awal kata yang digugurkan manakala di bahagian akhir katanya dikekalkan. Misalnya;

Guingamp *jadikan* Marseille mangsa terbaru (Sukan, 1.2.96)

Sulaiman *hargai* bantuan (Nasional, 2.7.97)

Tiga syarikat *sertai* Pempena (Nasional, 2.7.97)

Motosikal *cepatkan* penghantaran ayam (Dunia, 2.4.96)

Kata-kata *jadikan*, *hargai*, *sertai* dan *cepatkan* di dalam ayat-ayat tajuk berita di atas sebenarnya telah mengalami pengguguran sebahagian

imbuhamnya, iaitu di bahagian awal daripada imbuhan terbahagi. Kata-kata tersebut telah mengalami pengguguran unsur imbuhan berikut, iaitu;

<i>kata</i>	<i>imbuhan terbahagi</i>	<i>perkataan sebenar</i>
jadikan	men-kan	<i>menjadikan</i>
hargai	meng-i	<i>menghargai</i>
sertai	meny-i	<i>menyertai</i>
cepatkan	memper-kan	<i>mempercepatkan</i>

5.6.1.2.2. Pengguguran Bahagian Akhir Imbuhan Terbahagi

Pengguguran bahagian akhir imbuhan memperlihatkan unsur di bahagian akhir kata sahaja daripada bentuk imbuhan terbahagi yang digugurkan, manakala bahagian awalnya dikekalkan. Misalnya;

Jangan *perbesar* isu Lee, Zahid (Nasional, 1.7.97)

Banteras aedes *diperhebat* (Nasional, 2.7.97)

Mary Joe, Davenport *disenarai* (Sukan, 3.7.97)

Kepakaran tenaga manusia *diutama* (Ekonomi, 1.3.96)

Berdasarkan contoh-contoh yang diberikan di atas, kata-kata *perbesar*, *diperhebat*, *disenarai* dan *diutama* terdiri daripada kata-kata yang menggunakan imbuhan terbahagi. Namun, bahagian akhir imbuhan di dalam kata-kata tersebut telah digugurkan. Bentuk imbuhan yang mengalami penyimpangan adalah seperti berikut;

<i>kata</i>	<i>imbuhan terbahagi</i>	<i>perkataan sebenar</i>
<i>perbesar</i>	per-kan	<i>perbesarkan</i>
<i>diperhebat</i>	diper-kan	<i>diperhebatkan</i>
<i>disenarai</i>	di-kan	<i>disenaraikan</i>
<i>diutama</i>	di-kan	<i>diutamakan</i>

5.6.1.2.3. Pengguguran Total

Pengguguran total atau seluruh imbuhan terbahagi ini pula memperlihatkan berlaku pengguguran kedua-dua bahagian daripada bentuk imbuhan terbahagi pada perkataan yang imbuhamnya telah digugurkan, iaitu di awal dan di akhir kata. Perhatikan contoh di bawah;

Agong *ucap* tahniah kepada Jiang Zemin (Nasional, 1.7.97)

PTG gagal *roboh* rumah penceroboh (Nasional, 1.4.96)

Negara mahu *tingkat* upah pekerja (Nasional, 1.5.96)

Syarat DIPM tidak *jejas* kerjaya perguruan (Nasional, 3.3.96)

Berdasarkan contoh tajuk-tajuk berita di atas, kata-kata seperti *ucap*, *roboh*, *tingkat* dan *jejas* merupakan kata kerja yang sepatutnya menggunakan imbuhan terbahagi. Bagaimanapun, unsur imbuhan berkenaan telah digugurkan dan hanya kata dasarnya sahaja yang digunakan di dalam tajuk berita tersebut. Bentuk imbuhan terbahagi sebenar yang seharusnya terdapat di dalam setiap kata di atas adalah seperti berikut:

<i>kata</i>	<i>imbuhan terbahagi</i>	<i>perkataan sebenar</i>
ucap	meng-kan	<i>mengucapkan</i>
roboh	me-kan	<i>merobohkan</i>
tingkat	memper-kan	<i>mempertingkatkan</i>
jejas	men-kan	<i>menjejaskan</i>

5.6.2. Penyimpangan Aspek Sintaksis

Penelitian terhadap penyimpangan di dalam aspek sintaksis berkaitan dengan penyimpangan yang terjadi terhadap beberapa ciri dan struktur tatabahasa tertentu yang lazim terjadi. Unsur-unsur penyimpangan

struktur tatabahasa yang sering kali dapat dikesan di dalam tajuk-tajuk berita, antaranya ialah pengguguran unsur subjek ayat, pengguguran unsur kata tertentu, seperti kata depan, kata penghubung, kata penjodoh bilangan dan lain-lain, penggantian unsur tanda bacaan dan sebagainya.

5.6.2.1. Pengguguran Subjek

Proses pengguguran ialah satu proses nahu yang berlaku ke atas struktur ayat yang mengakibatkan pengguguran unsur-unsur tertentu daripada binaan ayat berkenaan (Nik Safiah Karim et al, 1987:206).

Sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini, oleh sebab penulisan tajuk berita sering kali terikat dengan beberapa faktor tertentu seperti kendala ruang dalam surat khabar, dan sebagainya, maka dalam hal-hal tertentu pemendekan tajuk berita terpaksa dilakukan. Salah satu cara pemendekan tersebut adalah dengan menghilangkan unsur-unsur tertentu. Bagaimanapun, teknik tersebut seboleh mungkin tidak menjaskankan maksud yang hendak disampaikan. Oleh yang demikian, pengguguran unsur subjek di dalam binaan ayat tajuk berita merupakan salah satu aspek penyimpangan tatabahasa yang lazim terjadi.

Tajuk-tajuk berita yang mengalami pengguguran unsur subjek ayat lazimnya terdiri daripada tajuk-tajuk berita yang ditulis dalam bentuk frasa. Dalam hal ini, kebiasaannya unsur subjek tidak dinyatakan secara langsung di dalam sesuatu tajuk berita tersebut, sebaliknya hanya unsur predikat sahaja yang dinyatakan. Jika dilihat dalam konteks perbualan tidak formal, adalah menjadi kelaziman bagi penutur-penutur bahasa Melayu untuk tidak menggunakan unsur-unsur tatabahasa yang lengkap seperti meninggalkan subjek ayat. Dalam konteks penelitian terhadap tajuk-tajuk berita di dalam surat khabar BH, kecenderungan penggunaan bahagian predikat tidaklah terlalu banyak bilangannya. Misalnya;

- Gembira dapat habuan (Nasional, 1.2.96)
Mati selepas jumpa bomoh (Nasional, 1.2.96)
Batal musnah paip (Dunia, 2.5.97)
Ikut undang-undang baru (Sukan, 16.6.97)
Tumpu bidang keusahawanan (Nasional, 1.5.97)

Di dalam contoh tajuk-tajuk berita yang dikemukakan di atas, kita dapati bahawa bahagian subjek ayat tidak direalisasikan, sebaliknya hanya unsur predikat sahaja yang dinyatakan. Kata-kata *gembira*, *mati*, *batal*, *ikut* dan *tumpu* adalah inti kata di dalam binaan predikat ayat tajuk-tajuk berita berkenaan. Pelaku yang seharusnya menduduki bahagian subjek di dalam tajuk-tajuk berita tersebut hanya dapat diketahui setelah membaca laporan berita yang berkaitan. Untuk memperlihatkan struktur tatabahasa yang lengkap bagi setiap tajuk berita di atas, bahagian subjeknya dapat ditulis seperti berikut:

Ayat	Subjek	+	Predikat
	[Pekerja-pekerja]		[gembira dapat habuan]
	(FN)		(FK)
	[Wanita]		[mati selepas jumpa bomoh]
	(FN)		(FK)
	[Kerajaan]		[batal musnah paip]
	(FN)		(FK)
	[Pertandingan]		[ikut undang-undang baru]
	(FN)		(FK)
	[Pengusaha]		[tumpu bidang keusahawanan]
	(FN)		(FK)

5.6.2.2. Pengguguran Unsur-unsur Kata

Pengguguran unsur-unsur kata yang lazim terjadi di dalam tajuk-tajuk berita yang dikaji terdiri daripada kata-kata struktur, misalnya kata depan dan kata penghubung. Pada umumnya, unsur-unsur kata yang

dihilangkan tersebut dapat diketahui dan difahami dengan melihat konteks keseluruhan ayat tajuk berita berkenaan. Dari segi teknik penulisan tajuk berita, proses pengilangan tersebut sebenarnya bertujuan untuk menjimatkan penggunaan ruang di dalam surat khabar. Selain itu, kaedah sedemikian juga dapat menghasilkan tajuk berita yang menarik dan sensasi tanpa menjaskannya maksud sebenar yang hendak disampaikan di dalamnya. Berdasarkan analisis data kajian, terdapat bermacam-macam unsur kata yang dihilangkan di dalam penulisan tajuk-tajuk berita, antaranya ialah pengguguran kata depan, misalnya *untuk, dari, terhadap, bagi*, dan sebagainya; pengguguran kata penghubung, misalnya *yang, bahawa* dan *supaya*; pengguguran kata penjodoh bilangan seperti *orang, buah*, dan sebagainya.

5.6.2.2.1. Pengguguran Kata Depan

Pengguguran unsur kata depan biasanya disengajakan bagi tujuan meringkaskan tajuk berita serta menjimatkan ruang di dalam surat khabar. Unsur kata depan dianggap tidak penting di sebalik keutamaan unsur kata lain di dalam tajuk berita dari segi pemaparan maksud. Malah, pengguguran unsur kata depan dikira tidak menjaskannya maksud yang hendak disampaikan. Unsur kata depan yang sering mengalami pengguguran di dalam ayat-ayat tajuk berita yang diteliti, antaranya adalah kata *untuk, dari, pada, tentang, mengenai, dalam* dan sebagainya. Perhatikan contoh tajuk-tajuk berita daripada data kajian terkumpul di bawah ini yang secara jelas mengalami pengguguran unsur kata depan di dalamnya.

Pertarungan kuasai ruangan siber (Nasional, 1.4.96)

Import daging lembu Britain diharamkan (Nasional, 1.4.96)

Gerakan adakan taklimat nilai sumbangan parti (Nasional, 1.4.96)

Akhbar perlu sebar sejarah perjuangan nabi (Nasional, 1.8.97)

Kongsi kereta tahun 2000 (Nasional, 4.8.97)

Lapan rentung nahas kereta, lori (Nasional, 16.6.97)

Pas Kelantan tetap tidak letak calon wanita bertanding (Nasional, 1.7.97)

Setiap tajuk berita di atas sebenarnya telah mengalami pengguguran unsur kata depan di dalamnya. Ayat-ayat tersebut mungkin dapat ditulis dengan lengkap dengan memasukkan unsur kata depan seperti berikut di dalamnya. Perkataan yang berhuruf condong di dalam setiap ayat berikut adalah unsur kata depan yang barangkali telah digugurkan.

Pertarungan *untuk* kuasai ruangan siber

Import daging lembu *dari* Britain diharamkan

Gerakan adakan taklimat *untuk* nilai sumbangan parti

Akhbar perlu sebar sejarah *mengenai/tentang* perjuangan nabi

Kongsi kereta *pada* tahun 2000

Lapan rentung *dalam* nahas kereta, lori

Pas Kelantan tetap tidak letak calon wanita *untuk* bertanding

5.6.2.2. Pengguguran Kata Penghubung

Pengguguran unsur kata penghubung di dalam tajuk-tajuk berita juga memperlihatkan tujuan yang sama seperti di atas. Malah, dengan menggugurkan unsur-unsur tertentu seperti kata penghubung ini, tajuk dianggap lebih ringkas dan padat, selain dapat menimbulkan kesan sensasi terhadap tajuk berita berkenaan. Hal ini menunjukkan bahawa penggunaan ataupun sebaliknya unsur kata penghubung tidak

mempengaruhi pemahaman pembaca terhadap maksud yang hendak disampaikan oleh sesuatu tajuk berita. Sekiranya kata hubung tersebut diremasukkan, mungkin sesuatu tajuk berita akan menjadi mendatar dan penekanan terhadap maksud di dalamnya menjadi berkurangan kerana tajuk-tajuk berita tersebut seolah-olah dibaca seperti ayat laporan biasa. Berdasarkan penelitian terhadap sumber data terkumpul, unsur kata hubung yang didapati sering digugurkan adalah seperti kata bahawa, yang, supaya, kerana, apabila dan sebagainya. Perhatikan contoh-contoh yang dikemukakan di bawah.

Pakistan yakin hubungan ekonomi lebih kukuh (Nasional, 4.8.97)

Sema keluarkan ketuhar ke-5 juta (Ekonomi, 17.6.97)

Pas letakkan al-Quran di belakang diselar (Nasional, 17.6.97)

SPR minta calon patuhi peraturan (Nasional, 1.8.97)

Kemboja percaya gerila menyusup ke ibu kota (Dunia, 1.5.96)

Tiga maut terkena periuk api (Dunia, 1.5.96)

Raja Ahmad berang Naga, Paul Raj ingkar arahan (Sukan, 2.5.97)

Pasangan gembira dapat bayi tahun lompat (Nasional, 1.3.96)

Contoh tajuk-tajuk berita yang dinyatakan di atas jelas memperlihatkan berlakunya pengguguran unsur kata penghubung di dalamnya. Setiap ayat tajuk berita tersebut dapat ditulis dalam bentuk yang lengkap dengan memasukkan unsur kata penghubung sebagaimana di bawah ini. Kata-kata berhuruf condong di dalam tajuk-tajuk berita tersebut adalah unsur kata hubung yang seharusnya terdapat di dalamnya.

Pakistan yakin *bahawa* hubungan ekonomi lebih kukuh

Sema keluarkan ketuhar *yang* ke-5 juta

Pas *yang* letakkan al-Quran di belakang diselar

SPR minta calon *supaya/agar* patuhi peraturan

Kemboja percaya *bahawa* gerila menyusup ke ibu kota

Tiga maut *kerana/setelah* terkena periuk api
Raja Ahmad berang *apabila/kerana* Naga, Paul Raj
ingkar arahan
Pasangan gembira *kerana* dapat bayi tahun lompat

5.6.2.2.3. Pengguguran Kata Penjodoh Bilangan

Di dalam struktur tatabahasa biasa, kata bilangan ditulis selepas kata bilangan di dalam sesuatu frasa atau ayat. Bagaimanapun, di dalam penulisan tajuk-tajuk berita, pengabaian terhadap penggunaan kata penjodoh bilangan merupakan salah satu retorik yang sangat lazim. Kehadiran kata penjodoh bilangan di dalam tajuk berita dianggap tidak penting atau mungkin membazirkan ruangan sahaja malah unsur tersebut dirasakan tidak perlu kerana tanpanya, sesuatu maksud yang hendak disampaikan masih terpelihara dan dapat difahami. Kadang kala juga, dengan cara demikian dirasakan sesuatu tajuk berita lebih berkesan dan menarik, atau lebih dari itu akan menimbulkan sensasi yang lebih. Melalui contoh-contoh tajuk berita yang dikemukakan di bawah dapat kita perhatikan fenomena tersebut. Misalnya:

48 pelatih masuk hospital (Nasional, 1.4.96)

Tiga firma telefon terikat garis panduan (Nasional, 2.5.96)

123 maut nahas udara Peru (Nasional, 2.3.96)

160 kereta Kancil masuki pasaran UK (Ekonomi, 1.7.97)

Kastam rampas *14,840 pil* Ecstasy (Dunia, 2.8.97)

Frasa-frasa berhuruf condong di dalam contoh tajuk-tajuk berita di atas iaitu, *48 pelatih*, *tiga firma*, *123 maut*, *160 kereta* dan *14,840 pil* merupakan binaan frasa nama yang terdiri daripada kata bilangan dan kata nama. Sebagaimana lazim, struktur sedemikian seharusnya

mengandungi kata penjodoh bilangan yang menghubungkan kata bilangan dan kata nama tersebut. Namun, dalam konteks penulisan tajuk berita seperti di atas, gejala pengabaian terhadap unsur kata penjodoh bilangan merupakan suatu ciri yang lazim terjadi. Dalam hal seperti di atas, pemakaian unsur kata penjodoh bilangan di dalam setiap binaan tersebut mungkin dapat ditulis seperti di bawah ini. Kata berhuruf condong adalah kata penjodoh bilangan yang mengalami pengguguran.

48 orang pelatih masuk hospital (Nasional, 1.4.96)

Tiga buah firma telefon terikat garis panduan (Nasional, 2.5.96)

123 orang maut nahas udara Peru (Nasional, 2.3.96)

160 buah kereta Kancil masuki pasaran UK (Ekonomi, 1.7.97)

Kastam rampas 14,840 biji pil Ecstasy (Dunia, 2.8.97)

5.6.2.2.4. Pengguguran Kata Penjodoh Bilangan dan Kata Nama

Selain pengguguran unsur kata penjodoh bilangan seperti yang dibincangkan di atas, kerap kali juga terjadi pengguguran kedua-dua unsur kata serentak, iaitu kata penjodoh bilangan dan kata nama. Dalam hal ini, sesuatu tajuk yang ditulis hanya menggunakan kata bilangan sahaja di dalam binaan frasa nama subjeknya tanpa menyatakan pelakunya dan seterusnya diikuti oleh frasa kerja predikat ayat. Teknik penulisan tajuk berita begini amat berkesan untuk mendorong perhatian pembaca bagi mengetahui perkara sebenar berkaitan dengan jumlah dan juga perlakuan atau perbuatan yang dinyatakan. Dengan demikian, pelaku di dalam ayat tajuk berita tersebut akan dapat diketahui dengan membaca kandungan laporan berita lengkap. Perhatikan contoh tajuk-tajuk berita di bawah:

2 dituduh kendali forex haram (Nasional, 1.3.96)

21,000 gagal hantar laporan (Nasional, 2.4.96)

20 dikhuatiri mati dalam kejadian tanah runtuh (Dunia, 1.8.97)

3 mengaku tidak bersalah perdaya warga tua (Nasional, 3.7.97)

400 lari akibat lahar gunung (Dunia, 16.6.97)

Berdasarkan tajuk-tajuk yang dikemukakan di atas, kita dapatkan bahawa kata nama penjodoh bilangan dan kata nama pelakunya tidak dinyatakan selepas angka bilangan. Dalam konteks penulisan struktur ayat yang lazim, binaan frasa dua dituduh, 21,000 gagal, 20 dikhuatiri mati, 3 mengaku dan 400 lari barangkali dapat dinyatakan seperti berikut setelah dimasukkan kata penjodoh bilangan dan kata nama;

2 buah firma dituduh kendali forex haram

21,000 buah syarikat gagal hantar laporan

20 orang penduduk dikhuatiri mati dalam kejadian tanah runtuh

3 orang lelaki mengaku tidak bersalah perdaya warga tua

400 orang penduduk lari akibat lahar gunung

5.6.2.3. Penggantian Unsur Tanda Baca

Penggunaan tanda baca tertentu bagi menggantikan penggunaan sesuatu kata merupakan fenomena lazim di dalam penulisan tajuk-tajuk berita. Penggunaan unsur-unsur sedemikian sebenarnya memberi implikasi tertentu terhadap keberkesanan sesuatu tajuk berita. Selain untuk keringkasan dan kepadatan ayat tajuk berita, teknik tersebut sebenarnya juga berhubung kait dengan faktor penggunaan ruangan yang terhad di dalam surat khabar. Dari segi kesan pemahaman maksud, tajuk-tajuk berita yang menggunakan ciri sedemikian dianggap dapat memperlihatkan kesinambungan serta kepadatan makna yang disampaikan melalui satu

rangkaian ayat tajuk berita. Berdasarkan penelitian yang dijalankan terhadap data kajian, didapati bahawa unsur tanda baca yang paling kerap digunakan adalah tanda koma (,) dan tanda titik bertindih (:). Penggunaan unsur-unsur tanda baca tersebut sebenarnya berfungsi menggantikan kata tertentu di dalam ayat tajuk berita, umpamanya kata hubung *dan*, *serta* atau sebagainya.

5.6.2.3.1. Penggunaan Tanda Koma (,)

Meneliti tajuk-tajuk berita di dalam surat khabar BH, kerap kali didapati bahawa penggunaan tanda koma berfungsi sebagai kata hubung tertentu yang menghubungkan dua perkara yang hendak dinyatakan serentak dalam sesuatu tajuk berita. Lazimnya, tanda koma digunakan untuk menghubungkan perkara-perkara yang hendak dinyatakan di dalam bahagian subjek ayat seperti kata nama pelaku ataupun juga perkara yang terdapat di dalam bahagian predikat seperti kata nama objek. Penggunaan tanda koma tersebut dapat menggantikan penggunaan kata penghubung, seperti *dan*, *serta*, *manakala*, dan sebagainya. Tajuk-tajuk berita yang menggunakan tanda koma bagi menghubungkan unsur-unsur dalam bahagian subjek ayat dapat diperhatikan di dalam contoh di bawah.

Manila, KL lancar Program Fellowship Rizal (Nasional, 1.5.96)

Datuk, cucu rentung dalam kebakaran (Nasional, 1.7.97)

Korea, Afrika pamer aksi hebat (Sukan, 18.6.97)

Di dalam tajuk-tajuk berita di atas, kita dapati tanda koma digunakan bagi menghubung dua perkara, iaitu Manila, KL; Datuk, cucu dan Korea, Afrika. Tanda koma tersebut ternyata dapat berfungsi sebagai kata hubung *dan* atau *serta* di dalam binaan subjek ayat dan setiap ayat di atas dapat ditulis seperti berikut;

Manila *dan* KL lancar Program Fellowship Rizal
Datuk *dan/serta* cucu rentung dalam kebakaran
Korea *dan* Afrika pamer aksi hebat

Sementara itu tajuk-tajuk berita yang menggunakan tanda koma bagi menghubungkan perkara-perkara di dalam bahagian predikat ayat pula dapat ditunjukkan di bawah ini;

Panel kaji adat, kebudayaan Melayu (Nasional, 1.5.96)
Kim dijangka ampun Chun, Roh (Dunia, 16.6.97)
Fifa gantung pemain, pegawai (Sukan, 1.5.97)

Di dalam setiap tajuk berita di atas, tanda koma digunakan untuk menghubungkan gabungan dua unsur objek di dalam bahagian predikat ayat, iaitu *adat, kebudayaan; Chun, Roh* dan *pemain, pegawai*. Tanda koma di dalam setiap gabungan unsur objek tersebut dapat digantikan dengan kata hubung *dan* seperti berikut;

Panel kaji adat *dan* kebudayaan Melayu
Kim dijangka ampun Chun *dan* Roh
Fifa gantung pemain *dan* pegawai

5.6.2.3.2. Penggunaan Titik Bertindih (:)

Penggunaan titik bertindih di dalam penulisan tajuk-tajuk berita dianggap relevan dalam konteks menyampaikan sesuatu maksud atau pengertian secara lebih padat dan khusus. Tanda titik bertindih yang kemudian tajuk berita dikaitkan dengan pelaku ataupun hal utama yang lazimnya digunakan sama ada di bahagian awal maupun di bahagian yang dirujuk di dalam sesuatu tajuk berita.

Sekiranya pelaku yang dirujuk di dalam tajuk berita berkenaan, maka pelaku tersebut lazimnya diletakkan di bahagian paling awal, kemudian diikuti oleh kenyataan yang berkaitan. Sebaliknya, kadang kala terdapat juga bahawa tajuk berita mendahuluikan kenyataan, kemudian diikuti oleh pelaku pada bahagian paling akhir. Bagi sesuatu hal utama pula, perkara tersebut kebiasaannya dihadirkan pada bahagian awal tajuk berita dan diikuti oleh kenyataan yang berkaitan. Tanda titik bertindih di sini berfungsi memisahkan kedua-dua bahagian, iaitu pelaku dan hal utama dengan kenyataan yang berkaitan tersebut.

Penggunaan unsur tanda baca seperti ini di dalam tajuk berita sebenarnya bertujuan untuk menggabungkan lebih daripada satu isu atau perkara di dalam sesuatu tajuk berita. Melalui cara ini, pelaku ataupun hal utama dapat disampaikan bersama atau serentak di dalam satu tajuk berita yang ditulis dengan ringkas dan padat dengan menggunakan tanda bertindih yang berfungsi sebagai penghubung bagi mengaitkan kedua-dua bahagian tersebut. Selain itu, tanda titik betindih juga berupaya menggantikan beberapa kata atau frasa yang panjang yang menghubungkan dua bahagian berkenaan. Berdasarkan contoh tajuk-tajuk berita yang dikemukakan di bawah ini dapat diperhatikan dengan jelas fungsi penggunaan tanda titik bertindih di dalam tajuk berita sebagaimana yang dijelaskan di atas.

Waspada simpati bermuslihat : PM (Nasional, 1.5.96)

Usah politikkan isu banteras rasuah : Mohamed (Nasional, 16.6.97)

Wicks : Kami sudah jawab kecaman (Sukan, 1.5.97)

Muhyiddin : MOM ada muslihat (Sukan, 3.2.96)

Di dalam tajuk-tajuk berita yang dinyatakan di atas, tanda titik bertindih digunakan untuk menghubungkan setiap kenyataan dengan pelakunya (aktor), iaitu terdiri daripada *PM*, *Mohamed*, *Wicks* dan *Muhyiddin*. Kenyataan *Waspada simpati bermuslihat* misalnya, telah

dikeluarkan oleh *PM* (Perdana Menteri). Oleh itu, bagi menegaskan maknanya bahawa kenyataan tersebut sebenarnya dinyatakan oleh orang yang penting, maka pelakunya (*PM*) dinyatakan bersama di dalam tajuk berita tersebut dan perkaitan kedua-dua bahagian tersebut dihubungkan melalui penggunaan tanda titik bertindih. Dalam konteks penyampaian biasa, sekiranya tanda titik bertindih tidak digunakan seperti di atas, penulisan tajuk berita tersebut mungkin menjadi lebih panjang dan tidak berkesan, misalnya ditulis seperti ayat-ayat di bawah ini;

*Waspada simpati bermuslihat, kata PM
PM mengingatkan rakyat supaya waspada
simpati bermuslihat*

Dalam contoh yang lain, misalnya, kenyataan *Usah politikkan isu banteras rasuah* mempunyai kaitan dengan *Mohamed* sebagai pelakunya. Tanpa penggunaan tanda titik bertindih tajuk berita tersebut mungkin perlu ditulis dalam bentuk ayat yang panjang seperti berikut;

*Mohamed mengingatkan orang ramai agar tidak
politikkan isu banteras rasuah*

Kenyataan *Kami sudah jawab kecaman* di dalam contoh tajuk berita di atas dikaitkan dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh *Wicks* sebagai pelakunya. Bagi menyatakan perkara tersebut secara khusus di dalam tajuk berita maka tanda titik bertindih digunakan untuk menghubungkan kedua-dua perkara tersebut. Dalam konteks penyataan biasa, hubungan kedua-dua perkara tersebut akan dapat ditulis seperti berikut;

*Wicks memberitahu / menjelaskan bahawa, "Kami
sudah jawab kecaman" atau;
Wicks telah memberitahu / menjelaskan beliau (Kami)
sudah jawab kecaman*

Di samping itu, pelaku yang bertanggungjawab memberi kenyataan *MOM ada muslihat* di dalam tajuk berita di atas adalah *Muhyiddin*. Oleh itu, tanda baca di dalam tajuk berita tersebut berfungsi untuk mengaitkan pelaku sebagai orang yang penting (seorang menteri) telah memberi teguran berkenaan dengan sikap MOM yang mempunyai muslihat tertentu. Tanpa penggunaan tanda titik bertindih, ayat tajuk berita tersebut mungkin dapat ditulis seperti berikut;

*Muhyiddin menegaskan / menyatakan bahawa MOM
ada muslihat*

Tegasnya, dengan menggunakan tanda titik bertindih di dalam tajuk berita, maka sesuatu tajuk berita berkenaan dapat disampaikan dalam bentuk yang ringkas dan padat. Selain itu, sesuatu tajuk berita tersebut juga akan menjadi lebih khusus, terutama dalam menghubungkan pelaku yang bertanggungjawab terhadap pernyataan yang dikemukakan.

Di samping itu, teknik penulisan tajuk berita begini juga amat lazim digunakan untuk menyatakan sesuatu hal yang penting dan keterangan lanjut mengenai hal yang hendak dinyatakan tersebut. Dengan kata lain, hal utama boleh dianggap sebagai kepala atau topik utama berita manakala perkara yang berikutnya pula dianggap sebagai perkara lanjutan. Teknik sebegini lazimnya relevan digunakan untuk melaporkan sesuatu isu yang berlanjutan atau berkesinambungan dengan berita yang telah disiarkan sebelumnya ataupun pada hari sebelumnya. Dalam hal ini, isu baru yang selanjutnya mengenai sesuatu perkara tertentu yang dikira berkaitan, akan dikaitkan dengan isu utama yang dinyatakan sebelumnya di dalam tajuk berita melalui penggunaan tanda titik bertindih. Dengan demikian, penggunaan unsur tersebut memudahkan pembaca mengetahui perkara yang hendak dinyatakan di dalam berita dengan merujuk keterangan baru di dalam tajuk berita kepada kepala tajuk berita yang

terpisah oleh tanda titik bertindih. Tajuk-tajuk berita yang menggunakan kaedah penulisan seperti ini dapat ditunjukkan di dalam contoh di bawah ini. Misalnya:

MB : Anwar jumpa Sultan hari ini (Nasional, 2.5.97)

Rasuah : Nasib peniaga Malaysia diketahui hari ini (Nasional, 1.8.97)

Senjata : Britain boleh rugi berjuta dolar (Dunia, 2.7.97)

Copa America : Brazil didakwa langgar kata muafakat (Sukan, 2.7.97)

Dalam tajuk-tajuk berita di atas, kita dapat perhatikan bahawa kata atau frasa di bahagian awal setiap tajuk berita tersebut seperti *MB*, *rasuah*, *senjata* dan *Copa America* bukannya pelaku (aktor), sebaliknya kata-kata tersebut merupakan isu atau perkara utama yang hendak dinyatakan. Perkara-perkara tersebut dapat dikategorikan sebagai kepala atau topik. Manakala bahagian berikutnya pula dianggap sebagai lanjutan, iaitu perkara selanjutnya yang ada kaitan dengan isu atau perkara utama sebelumnya. Setiap bahagian di dalam tajuk-tajuk berita tersebut dihubungkan oleh tanda titik bertindih dengan bahagian yang lain.

5.7. Rumusan

Dalam Bab V telah dipaparkan analisis aspek leksikal tajuk berita dalam BH. Mermandangkan laras bahasa merujuk kepada cara penggunaan sesuatu bahasa, maka kajian ini telah menyelidiki pelbagai aspek kaedah pemilihan atau penggunaan leksikal dan nahu tajuk berita. Berdasarkan pandangan tersebut telah dapat diuraikan bahawa tajuk berita secara umum membayangkan kelaziman atau kebiasaan penggunaan bahasa yang dirancang oleh sesebuah masyarakat persuratkhabaran. Kajian ini telah

mengemukakan statistik berkaitan analisis struktural terhadap data terkumpul bagi menjelaskan lagi perbincangan sebelumnya. Analisis tersebut memperlihatkan penggunaan perkataan tertentu dan frasa nama mendominasi penulisan tajuk-tajuk berita dalam surat khabar. Selain itu, peratusan penggunaan bentuk pasif, perkataan asing dan nama khas dapat ditentukan bagi memperlihatkan ciri-ciri laras bahasa tajuk berita tertentu.

Dengan demikian, ciri-ciri linguistik yang berdasarkan sudut pandangan statistik telah dapat digunakan sebagai landasan teori yang munasabah untuk penghuraian hakikat tajuk berita. Kajian ini juga telah menunjukkan secara implisit bahawa kajian tentang laras bahasa akhbar pada umumnya dan laras bahasa tajuk berita, sebaiknya dilakukan melalui sudut pandangan yang lebih luas daripada pandangan nahu tradisional.